

**BAB 5**  
**PENGASASAN PARTI KOMUNIS CHINA**  
**DAN REVOLUSI NASIONAL**

Hubungan di antara teori dan praktik merupakan suatu persoalan yang sentiasa mendapat perhatian di dalam masyarakat China semenjak zaman klasik lagi. Kejayaan dalam mencapai kesatuan antara pengetahuan dan tindakan (*zhi xing he yi*) telah dijadikan kriteria untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu usaha atau kerjaya. Seseorang individu yang hanya memberikan janji kosong atau teori yang indah khabarnya tetapi tidak memiliki keupayaan untuk merealisasikan teori tersebut akan dipandang rendah. Sebaliknya, seseorang yang dapat mempraktikkan teori yang dibawa akan dipandang sebagai satu personaliti yang mulia kerana telah mencapai tahap kesatuan antara pengetahuan dan tindakan.

Pengasasan “Persatuan Pengkajian Marxisme” telah dilihat sebagai fasa pertama dalam pengkajian teori Marxisme oleh Li Dazhao dengan penghasilan satu siri rencana yang berkisar di atas Revolusi Oktober.<sup>1</sup> Usaha mengadaptasikan ideologi baru tersebut tidak diletakkan asasnya di atas pena dan kertas, tetapi telah dipraktikkan dengan kaedah yang agresif, malah radikal pada ketika itu oleh Li Dazhao serta rakan-rakan seperjuangannya sebagai satu usaha merealisasikan impian yang memperlihatkan kesatuan antara pengetahuan dan tindakan.

Li Dazhao merupakan pengemudi kepada para pemuda. Banyak muda-mudi, termasuk Mao Zedong telah mendampingi fahaman Marxisme di bawah pengaruhnya. Perkembangan dalaman Li Dazhao telah membuktikan bagaimana idealisme yang radikal

---

<sup>1</sup> Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking* (The Hague (Paris): Mouton & Co., 1965), hlm 27.

telah mendirikan asas untuk penganutannya ke atas Marxisme.<sup>2</sup> Pendiriannya terhadap “isme” dalam perdebatan “Masalah dan isme” telah menggambarkan isi kandungan dan tuju hala ideologi yang bakal diadaptasi di dalam gerakan Komunisme China yang radikal.<sup>3</sup>

### 5.1 Perpustakaan Universiti Peking dan Gerakan Komunisme China

Daripadauraian di atas, tidak harus dipandang remeh bahawa bilik pejabat Ketua Perpustakaan Universiti Peking telah menduduki tempat yang strategik dan berperanan besar dalam usaha pengkajian Marxisme secara khususnya, dan pelancaran gerakan komunis China secara amnya. Seperti yang digalurkan dalam bab sebelum ini, Li Dazhao telah dilantik untuk menyandang jawatan sebagai ketua perpustakaan mulai Januari 1918. Semenjak itu, Perpustakaan Universiti Peking mula memainkan peranan sebagai tapak semaihan dan sebaran idea-idea Marxisme dan gerakan komunisme. Bermula pada akhir tahun 1918, pejabat Ketua Perpustakaan Universiti Peking menjadi tempat perhimpunan utama bagi kumpulan-kumpulan pelajar radikal yang baru, yang pada ketika itu dalam persediaan kepada Gerakan Empat Mei dan pembentukan kumpulan Komunis China yang pertama.<sup>4</sup> Seperti kata Zhang Shenshu, apabila kita sebut tentang “Empat Mei”, atau sebut tentang revolusi di China, tidak harus sekali-kali kita lupa akan tempat itu. Yang dimaksudkannya, Perpustakaan

<sup>2</sup> Zhang Hao, “Zai lun Zhongguo gongchan zhuyi sixiang de qiyuan” (Berbincang lagi tentang asal-usul pemikiran Komunisme China), Yu Yingshi, et. al., *Zhongguo Lishi Zuanxing Shiqi de Zhishi Fenzi* (Intelektual dalam Zaman Transformasi Sejarah China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1992), hlm 59.

<sup>3</sup> Lin Yusheng, “‘Wenti yu zhuyi’ lunbian de lishi yiyi” (Makna sejarah perdebatan “Masalah dan isme”), Yu Yingshi, et. al., *Zhongguo Lishi Zuanxing Shiqi de Zhishi Fenzi* (Intelektual dalam Zaman Transformasi Sejarah China), hlm 63-64.

<sup>4</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* (Cambridge: Harvard University Press, 1967), hlm 71.

Universiti Peking yang menduduki aras satu di bangunan Universiti Peking yang baru, yang digelar sebagai “Shatan Dalou” (Bangunan Pantai).<sup>5</sup>

Pada Oktober 1918, Mao Zedong pula menjadi pembantu di Perpustakaan Universiti Peking dengan aturan Li Dazhao, dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti perbincangan idea-idea Barat, khususnya perbincangan Marxisme yang dianjurkan oleh Li. Tanpa sebarang keraguan, Mao Zedong, pengasas Republik Rakyat China, yang disanjungi sebagai Lenin di China, telah disalurkan pendedahan idea-idea Marxist-Leninisme oleh Li Dazhao, ketika menjadi kakitangan di Perpustakaan Universiti Peking, di bawah pengelolaan Li.<sup>6</sup>

Perpustakaan Universiti Peking pada ketika itu masih serba kekurangan dari segi kemudahannya, ruang biliknya tidak besar, simpanan bukunya pula tidak banyak. Tetapi, ia sudah menjadi pusat tarikan yang sering dipenuhsesak oleh orang yang datang mengunjung, khususnya golongan sayap kiri yang asyik meneroka idea-idea baru:

Di dalam bilik rehat, terdapatnya kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga lima orang yang akan berbincang tentang idea-idea baru. Marxisme dan anarkisme kerap menjadi topik utama perbincangan mereka. Pejabat ketua perpustakaan terdiri daripada dua bilik, satu digunakan sebagai bilik pejabat Li dan satu lagi sebagai bilik tamu. Bilik tamu Li Dazhao ini pada ketika itu merupakan tempat perhimpunan bagi para sosialis dan golongan radikal, dan saya telah memainkan peranan sebagai aktor sokongan utama bagi Li. … Apabila Li tiada (di pejabat), saya akan mewakilinya untuk melayan para tetamu. Dengan itu, atmosfera Marxis dalam pejabat ketua perpustakaan sudah bertumbuh secara beransur-ansur menjelang 1920.<sup>7</sup>

Demikianlah catatan imbasan dalam autobiografi seorang kenalan rapat Li Dazhao, iaitu Zhang Guotao (atau Chang Kuo-t'ao) yang merupakan pemimpin pelajar pada era Gerakan Empat Mei yang kemudiannya turut menjadi salah seorang pengasas PKC.<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Zhang Shenfu, “Yi Shouchang” (Memperingati Shouchang [Li Dazhao]), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1980), hlm 63.

<sup>6</sup> Mao Zedong sendiri telah mengaku kepada pemberita Barat, Edgar Snow bahawa, “Di bawah Li Dazhao, sebagai pembantu perpustakaan di Universiti Kebangsaan Peking, saya telah berkembang pesat ke arah Marxisme.” Sila rujuk Edgar Snow, *Red Star Over China* (New York: Random House, 1938), hlm 140.

<sup>7</sup> Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927* (Lawrence, Kansas: University Press of Kansas, 1971), hlm 91.

<sup>8</sup> Zhang Guotao telah memainkan peranan utama sebagai pemimpin pelajar dalam Gerakan Empat Mei. Zhang yang dilahirkan pada tahun 1897 di Provinsi Jiangxi telah memasuki Universiti Kebangsaan Peking pada tahun

Selepas tercetusnya Gerakan Empat Mei, pemikiran generasi muda China mula mengalami perubahan yang drastik. Atas desakan demi desakan yang tidak terhenti-henti, dan prestasi kerajaan yang lembab dan menyeleweng, serta pengaruh daripada Revolusi Rusia, golongan muda bertindak lebih radikal berbanding generasi sebelumnya, dan mula cenderung untuk mendekati doktrin-doktrin Sosialisme sebagai penawar untuk menyelamatkan bangsa dan negara. Menurut Zhang Guotao lagi, Li Dazhao merupakan tokoh utama dalam *pengajian* Marxisme di Beijing, dan Perpustakaan Universiti Peking yang diketuainya telah menjadi tapak percambahan trend ideologi sayap kiri.<sup>9</sup>

Peranan Li Dazhao dalam penyebaran idea Marxisme dan persiapan gerakan komunisme, khususnya di kawasan utara China, serta karakter personaliti Li boleh ditinjau menerusi ikatan pertalian beliau dengan Zhang Guotao, di Perpustakaan Universiti Peking khasnya. Hubungan mereka tidak dimulakan dengan pengajian Marxisme. Li Dazhao tidak asyik menyebarkan idea sendiri kepada orang lain, maka tidak menyebarkan idea Marxisme kepada Zhang.<sup>10</sup> Dengan memanfaatkan sumber-sumber yang berasas, Li banyak memberi perhatian terhadap kajian secara perbandingan. Hanya sehingga mereka merasa bahawa, pendekatan ala Rusia merupakan satu-satunya jalan untuk menyelamatkan negara, barulah tumpuan perhatian mereka difokuskan kepada sosialisme, khususnya Marxisme. Zhang Guotao membuat pengakuan bahawa, atas pengaruh Li Dazhao, yang berpandangan bahawa

---

1916 dan giat dalam gerakan pelajar. Beliau yang rapat dengan Li Dazhao dan Chen Duxiu kemudiannya telah bekerjasama mengasaskan PKC pada tahun 1921 dan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan parti itu sepanjang era 1920-an dan awal 1930-an. Pada pertengahan 1930-an, peluang bagi Zhang Guotao untuk muncul sebagai pucuk pimpinan PKC adalah tinggi, berbanding dengan Mao Zedong. Zhang kemudiannya telah meninggalkan PKC pada 1938 disebabkan perselisihan pendapat dan tumpasnya dalam satu persaingan kuasa di tangan Mao Zedong. Justeru itu, autobiografi Zhang Guotao dilihat sebagai satu sumber yang bernilai dalam mengkaji sejarah awal PKC khususnya, dan sejarah awal gerakan komunis di China amnya. Untuk huraian ringkas tentang riwayat hidup Zhang Guotao, sila rujuk Yang Zilie (Yang Tzu-lieh), "A biographical sketch of Chang Kuo-t'ao", dalam ibid., hlm xiii-xvii.

<sup>9</sup> Ibid., hlm 86-87.

<sup>10</sup> Keadaan itu barangkali dapat menjelaskan bahawa Li Dazhao seorang yang liberal karakternya. Beliau lebih rela untuk membolehkan seseorang itu membuat keputusan sendiri daripada memberi pengaruh yang lebih. Menurut Liang Shuming, seorang kenalan rapat Li Dazhao juga mengatakan bahawa, Li Dazhao tidak pernah mengajaknya untuk menyertai PKC sedangkan Li sendiri pengasas dan pemimpin parti tersebut. Sila rujuk Liang Shuming, "Huiyi Li Dazhao Xiansheng" (Eneik Li Dazhao dalam memori), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 89.

penyelesaian segala masalah wajib dimulakan dengan pengajian Marxisme, Zhang mula mengkaji teori Marxisme secara sistematik.<sup>11</sup>

Li Dazhao amat pasti bahawa waktu itu tidak sesuai untuk melancarkan sebarang tindakan sosialisme yang konkret, khususnya penubuhan parti. Dalam usaha persediaan menghidupkan gerakan komunisme, Li Dazhao telah bertindak dengan mempamerkan sifat karakter seorang intelektual, seorang yang yakin dengan ilmu yang ditimba daripada usaha pengajian yang bernalas. Beliau berpendapat bahawa, kajian dirinya dan Chen Duxiu serta rakan-rakan yang lain terhadap Marxisme masih tidak mendalam, pemahaman mereka terhadap situasi perkembangan revolusi di Rusia masih terhad. Maka, beliau bercadang agar mencurahkan ikhtiar untuk mengkaji Marxisme terlebih dahulu.

Mengikut pemerhatian Zhang Guotao, Li Dazhao seorang yang peramah, mahir dalam interaksi sosial, penyabar dan dapat bertoleransi dengan mereka yang berlainan fahaman dengannya. Dalam pandangan anak murid yang juga sahabat karib tersebut, Li Dazhao merupakan satu-satunya individu di Beijing yang berupaya merangkaikan pemimpin-pemimpin sosialis dari pelbagai puak untuk dipadukan di bawah satu gerakan sosialisme yang bersatu.<sup>12</sup> Beliau telah mengkaji sosialisme sebelum itu, dan semakin cenderung kepada Marxisme semasa Gerakan Empat Mei serta bersimpati terhadap Revolusi Rusia. Tetapi beliau tidak pernah menolak anarkisme atau pemikiran sosialisme yang lain. Sebaliknya, beliau menjalin hubungan yang mesra dengan golongan sosialis, dengan menyediakan buku-buku yang diperlukan oleh mereka, dan sering bertukar pandangan dengan mereka.<sup>13</sup>

Suasana dalam dan di luar negara China pada ketika itu memang berubah dengan mendadak. Li Dazhao telah kian menampakkan keradikalannya di tengah-tengah perubahan suasana sosiopolitik yang tidak stabil. Zhang Guotao mengatakan bahawa, di kalangan

---

<sup>11</sup> Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 88.

<sup>12</sup> Ibid., hlm 90. Pengalamannya selaku pemimpin dalam kegiatan politik pelajar ketika menuntut di Tianjin dan kemudiannya di Jepun telah membolhkan Li Dazhao memahami mentaliti muda-mudi sepanjang Gerakan Empat Mei.

<sup>13</sup> Ibid., hlm 90-91.

pelajar-pelajar yang berdampingan dengannya telah banyak mengalami perubahan dari segi pemikiran mereka, malahan ada pula yang menjadi lebih radikal daripada Li Dazhao.<sup>14</sup>

Mereka cenderung untuk menyusuli perkembangan di Soviet. Pemansuhan perjanjian-perjanjian tidak adil oleh pihak Soviet dengan inisiatifnya sendiri telah disambut baik oleh golongan muda China.<sup>15</sup> Muda-mudi itu berpandangan bahawa Jepun berserta dengan kuasa-kuasa imperialis yang lain senantiasa menindas China. Hanyalah Kesatuan Soviet satu-satunya yang terkecuali. Keadaan tersebut telah menjadi salah satu faktor utama dalam merancakkan perkembangan gerakan Marxisme di China.

Dalam satu penilaian soal selidik yang dijalankan pada 17 Disember 1923 sempena Hari Peringatan Ulang Tahun Penubuhan Universiti Kebangsaan Peking ke-25, didapati rasa muhibah terhadap Rusia di kalangan penduduk China adalah menggalakkan. Mereka yang melihat Rusia sebagai sahabat kepada China, memberi alasan bahawa Rusia sebuah negara sosialisme yang mendukung prinsip tidak mencerobohi negara lain; Rusia juga sebuah negara yang anti-imperialisme, maka China boleh bersekutu dengan Rusia untuk menentang Britain dan Amerika Syarikat; Orang Rusia sama seperti orang China turut sebagai bangsa yang ditindas.<sup>16</sup>

---

<sup>14</sup> Ibid., hlm 92.

<sup>15</sup> *Manifesto ke atas China* yang pertama daripada pihak kerajaan Soviet, walaupun telah disiarkan pada 26 Ogos 1919, tetapi hanya dikemukakan kepada China pada 3 April 1920. Manifesto tersebut yang menyentuh tentang pemansuhan semua perjanjian sulit di antara Rusia dengan Jepun, dan Rusia dengan kuasa-kuasa yang lain berkenaan China, serta pemansuhan segala hak keistimewaan dan pelepasan baki bayaran ganti-rugi China kepada Rusia akibat Pemberontakan Boxer 1900, telah membawa impak yang besar kepada masyarakat China. Manifesto itu bukan sahaja telah menimbulkan rasa simpati di kalangan rakyat China, malah mewujudkan rasa mesra yang hangat terhadap republik soviet itu. Sila rujuk Guo Hengyu, *Gongchan Guoji yu Zhongguo Geming: Diyici Guo Gong Hezuo* (Comintern dan Revolusi China: Kerjasama Kali Pertama GMD-PKC) (Taipei: Dongda Tushu Gongsi, 1991), hlm 25-27.

<sup>16</sup> Soalan kelima dalam soal selidik itu berbunyi, "Di antara dua negara Rusia dan Amerika Syarikat, yang manakah sahabat kepada China?" Sebagai keputusannya, 59% atau 497 orang daripada jumlah peserta soal selidik yang sebanyak 842 orang itu berpendapat bahawa Rusia merupakan sahabat kepada China; 13% atau 107 orang berpendapat bahawa Amerika Syarikat adalah sahabat kepada China; 226 orang beranggapan bahawa kedua-dua negara Rusia dan Amerika Syarikat itu bukan sahabat; dan 12 orang berpendirian bahawa kedua-dua negara itu adalah sahabat. Di antaranya, 371 orang dari bidang akademik iaitu sama ada pelajar atau pensyarah di universiti. Sila rujuk Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga di universiti). Sila rujuk Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga di universiti), Jilid 1 (Taipei: Zhongguo Xueshu Zhuzuo Jiangzhu Weiyuanhui, 1966), hlm 89-91. Buku ini menggalurkan perkembangan Parti GMD dari bermulanya polisi menerima kemasukan anggota komunis (1923) hingga membersihkan parti daripada penyertaan komunis menerusi penyingkiran anggota komunis daripada keahlian GMD (1927). Untuk keterangan lanjut tentang hubungan awal China-Rusia Soviet, sila rujuk

Perubahan pandangan masyarakat, khususnya golongan terpelajar yang percaya bahawa Kesatuan Rusia merupakan sahabat yang paling amanah dalam usaha China untuk menentang imperialisme, dapat dibuktikan menerusi penulisan Li Dazhao sempena hari peringatan ulang tahun keenam Revolusi Oktober, yang berbunyi seperti berikut:

Rakyat China dalam masa seratus tahun kebelakangan ini, telah ditindas di bawah kuku besi imperialism Barat yang disokong oleh kejayaan kapitalisme mereka, lalu dihimpit kepada kedudukan lemah yang hanya sekadar mengalah. Khalayak ramai kita yang sengsara, di bawah penindasan dua ganda malah beberapa kali ganda, tiba-tiba kedengaran saranan “menumpaskan kapitalisme di seluruh dunia”, “menumpaskan imperialisme di seluruh dunia” yang dilaungkan di dalam Revolusi Oktober. Gema yang bergaung di dalam cuping telinga kita ini, adalah terlampau memilukan, terlampau serius, terlampau bermakna.<sup>17</sup>

Pandangan sedemikian barangkali dapat diperkuahkan lagi sandarannya dengan merujuk kepada komen Sun Yat-sen yang turut menyatakan bahawa, “negara-negara kapitalis tidak akan bersimpati ke atas parti kita [GMD]. Simpati hanya boleh diharapkan daripada Rusia, bangsa yang ditindas, dan rakyat yang ditindas.”<sup>18</sup> Dapat diperhatikan bahawa, persamaan pandangan di antara Li Dazhao dan Sun Yat-sen ini, di samping menjelaskan faktor yang memudahkan kerjasama mereka berdua di dalam pakatan GMD-PKC pada hari kemudiannya, turut mencerminkan pendirian bersama bagi golongan intelektual China pada era awal 1920-an. Matlamat untuk menegah dan menghalau imperialisme asing serta menjayakan usaha penyatuan politik nasional telah menjadi dukungan bersama para intelektual China, tidak kira yang berhaluan kiri atau kanan, tidak kira yang berkarakter radikal atau sederhana.

Zhang Guotao juga merupakan seorang pelajar yang bertindak radikal pada masa itu. Disebabkan terlalu leka dengan kegiatan gerakan pelajar, pembelajarannya terbiar sehingga

---

Li Jiagu, “Shiyue geming hou de zaoqi Zhong-Su guanxi” (Hubungan awal China-Soviet selepas Revolusi Oktober), *Ershiyi Shiji* (Dwibulan Abad Keduapuluh Satu), Oktober 1997 (Keluaran Ke-43).

<sup>17</sup> “Shiyue Geming yu Zhongguo renmin” (Revolusi Oktober dan Rakyat China), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 125.

<sup>18</sup> “Sun Yat-sen’s comments on an accusation against the CP (presented to him in December 1923),” in Conrad Brandt, Benjamin Schwartz dan John K. Fairbank, *A Documentary History of Chinese Communism* (New York: Atheneum, 1967), hlm 73.

beliau menggelarkan dirinya sebagai “pelajar istimewa”.<sup>19</sup> Memandangkan pelajarannya jauh ketinggalan, Zhang mengambil keputusan bukan untuk mengikuti kembali pelajaran, tetapi menghabiskan lebih banyak masa di Perpustakaan Universiti Peking untuk membaca buku-buku yang berkenaan dengan sosialisme. Keadaan yang dialami oleh Zhang ini sebenarnya bukan kes terkecuali tetapi suatu fenomena yang umum pada zaman yang sentiasa dalam pergolakan itu.

Para pelajar mudah tertarik perhatian ke atas perkembangan sosiopolitik yang rancak. Mereka sukar menumpukan perhatian terhadap bidang pengajian mereka sendiri tetapi lebih cenderung untuk mempelajari doktrin-doktrin ekonomi politik yang difikirkan dapat menyelamatkan negara daripada kehancuran. Perpustakaan Universiti Peking telah menjadi tumpuan sumber idea-idea Barat di Beijing. Pelajar-pelajar tersebut mengunjungi pejabat Li untuk mendapatkan bimbingan dari segi intelektual dan politik, serta secara sulit meminjam buku-buku berkenaan Marxisme yang mula dikumpulkan oleh Li Dazhao. Pejabat Ketua Perpustakaan Universiti Peking telah dikenali sebagai “kamar merah” (honglou) tidak lama kemudiannya.<sup>20</sup>

Li Dazhao selaku Ketua Perpustakaan Universiti Peking telah meminta bantuan daripada sebilangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa asing untuk menyediakan katalog bagi buku-buku bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Jerman, Perancis dan Jepun. Beliau pernah menyentuh bahawa, kegiatan penterjemahan di bidang akademik Jepun adalah cepat dan bagus, reaksi mereka terhadap perkembangan akademik dunia adalah sensitif, maka itulah salah satu faktor penting kejayaan mereka dalam pencapaian sains. Beliau berpendapat bahawa orang China yang ketinggalan juga perlu berbuat demikian untuk mengasaskan usaha

---

<sup>19</sup> Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 93.

<sup>20</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 73.

penterjemahan di Universiti Peking.<sup>21</sup> Pandangan tersebut jelas memperlihatkan sensitiviti akademik Li Dazhao yang mempunyai perspektif yang jauh.

Di samping itu, demi menyediakan asas yang lebih kukuh untuk membangunkan gerakan komunisme, Li Dazhao mengutarakan pendapatnya tentang perlunya untuk menubuhkan persatuan mengkaji teori Marxis. Persatuan tersebut tidak patut terlibat dalam politik realiti tetapi hanya melibatkan diri dalam kerja kajian dan terjemahan untuk memperkenalkan Marxisme, di samping menggerakkan kegiatan buruh. Penubuhan "Persatuan Pengkajian Teori Marxis" secara sulit pada Mac 1920 menandakan bermulanya fasa kedua pengkajian fahaman Marxis oleh Li Dazhao yang memperlihatkan pemahamannya yang lebih mendalam tentang mesej yang ingin disampaikan oleh Marx, khususnya yang khas untuk China.<sup>22</sup> Adaptasi inti-pati Marxisme oleh persatuan tersebut adalah menuju ke arah menjadikanya satu teori revolusioner yang sesuai diaplikasi kepada situasi di China. Usaha peribadi Li Dazhao sebagai individu yang paling sensitif kepada penanda signifikan Revolusi Oktober di kalangan intelektual pada generasinya, serta perubahan yang berlaku dalam situasi konkrit masyarakat ketika itu, telah menentukan pilihan ideologi China moden, yang menjurus ke arah Marxism.<sup>23</sup>

Peminat-peminat doktrin Marxis seperti Deng Zhongxia, Luo Zhanglong, Zhang Guotao dan Qu Qiubai telah menyertai persatuan itu. Persatuan tersebut merupakan pertubuhan mengkaji teori Marxisme yang paling awal di China. Chen Duxiu pula bersama-sama dengan rakan seperjuangan yang lain, menubuhkan persatuan pengkajian teori Marxis di Shanghai pada Mei 1920. Kedua-dua persatuan itu bukan sahaja berperanan sebagai badan mengkaji teori Marxisme untuk melengkapkan diri dari segi teori dan intelek dalam persiapan membentuk parti komunis, tetapi juga telah melatih kumpulan anggota parti

<sup>21</sup> Sila rujuk Luo Zhanglong, "Kangzhai huiyilu" (Memoir di bilik Kangzhai), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), 1980, hlm 31.

<sup>22</sup> Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking*, hlm 30.

<sup>23</sup> Ibid., hlm 29-30.

komunis yang pertama sebagai persiapan dari segi organisasi dalam usaha menubuhkan parti komunis.<sup>24</sup>

## 5.2 Gandingan Chen Duxiu dan Li Dazhao dalam pengasasan PKC

Pengkaji sejarah China moden yang terkemuka, Immanuel Hsu pernah berhujah bahawa, minat intelektual terhadap Marxisme-Leninisme, penghuluran persahabatan secara sukarela daripada rejim Soviet, dan kejayaan Revolusi Bolshevik telah bergabung membentuk satu impak ideologi yang kuat di China.<sup>25</sup> Impak ideologi itu seterusnya telah menjana kuasa penggerak yang cukup bertenaga dan dinamis dalam menjayakan gerakan Komunisme China. Ketika Li Dazhao masih berpendirian untuk mendalami kajian tentang ideologi Marx, Chen Duxiu pula mempunyai pandangan yang berlainan. Dalam suatu pertemuan antara Zhang Guotao dengan Chen Duxiu di kediaman Chen di Shanghai pada penghujung bulan Julai 1920, Chen dengan terus terang mengatakan bahawa, “mengkaji Marxisme bukan lagi tugas yang utama buat sekarang, tetapi perlu untuk menubuhkan sebuah parti komunis di China dengan serta-merta.”<sup>26</sup>

Chen Duxiu merupakan peserta dalam Revolusi 1911, dan terus bertindak sebagai reformis yang radikal ketika menjadi pemimpin dalam Gerakan Kebudayaan Baru. Beliau bukan sahaja merupakan tokoh anti-tradisionalisme, tetapi juga perintis utama dalam menjayakan Revolusi Sastera dan mempromosikan semangat “sains dan demokrasi” sebagai jiwa pembaharuan China. Chen Duxiu yang sebelum itu sebagai Dekan Sastera Universiti

<sup>24</sup> Sila rujuk Li Zhongzhi dan Yu Zhi, *Hongse Zuji* (Tapak Kaki Warna Merah) (Shenyang: Liaohai Chubanshe, 2001), hlm 48.

<sup>25</sup> Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), hlm 515.

<sup>26</sup> Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 98.

Peking telah meletakkan jawatan secara paksaan selepas Kejadian Empat Mei.<sup>27</sup> Chen telah dipenjarakan oleh kerajaan Beijing kerana diberkas pada 11 Jun 1919, ketika mengedarkan risalah “Manifesto Penduduk Beijing”, yang mana Li Dazhao turut serta dalam pengedaran risalah tersebut.<sup>28</sup> Chen Duxiu masih di bawah seliaan pihak berkuasa setelah dibebaskan dari penjara, maka beliau berhijrah ke Shanghai untuk meneruskan perjuangan pembaharuan.<sup>29</sup>

Persahabatan antara Li Dazhao dan Chen Duxiu sememangnya akrab, dengan Li menyanjung tinggi Chen sebagai mentor dalam penyebaran idea-idea baru. Ketika Chen Duxiu dipenjarakan atas pengedaran risalah “Manifesto Penduduk Beijing”, Li sering mengutarakan kebimbangannya, dan berusaha untuk membebaskan Chen, terutamanya menerusi seruan kepada pandangan massa.<sup>30</sup> Apabila Chen Duxiu dibebaskan dari penjara,

<sup>27</sup> Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Zhu Wenhua, *Zhongshen de Fanduipai: Chen Duxiu Pingzhuan* (Pembangkang Seumur Hidup: Biografi Kritis Chen Duxiu) (Qingdao: Qingdao Chubanshe, 1997), hlm 131-136.

<sup>28</sup> Chen Duxiu telah dipenjarakan atas alasan penyertaan kegiatannya yang aktif dan tuduhan bahawa beliau mempunyai pertalian dengan penerbitan Bolshevik di Shanghai. “Manifesto Penduduk Beijing” tersebut antaranya meminta akan perlucutan jawatan Xu Shuzheng dan pegawai-pegawai lain yang pro-Jepun, pemansuhan ibu pejabat polis Beijing, dan jaminan kepada kebebasan berhimpun dan bersuara yang mutlak untuk penduduk Beijing, serta memberi amaran bahawa, sekiranya kerajaan gagal melaksanakan permintaan yang dituntut, penduduk harus mengambil tindakan secara langsung untuk mencapai reformasi yang fundamental. Sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1960), hlm 172. Manifesto tersebut disediakan drafnya oleh Chen Duxiu dan diterjemahkan oleh Hu Shi. Untuk teks penuh bagi manifesto itu serta keseluruhan perkembangan pengedaran risalah sehingga Chen diberkas dan peserta yang lain, termasuk Li Dazhao sempat melarikan diri, sila rujuk Zhang Tongle, *Panghuang yu Dunru - Yijiuyiji Nian Shilu* (Kebingungan dan Kesedaran - Rekod Benar Tahun 1919) (Baoding: Hebei Daxue Chubanshe, 1999), hlm 152-156.

<sup>29</sup> Terdapatnya cerita yang mengatakan bahawa Li Dazhao telah membantu Chen Duxiu untuk melarikan diri ke Shanghai. Li telah menukar pakaian untuk bertindak seakan-akan peniaga dan menghantar Chen ke Tianjin dengan sebuah kereta keldai. Namun, tiada bukti sejarah yang kukuh untuk mengesahkan cerita tersebut. Keterangan yang terperinci tentang perkembangan dari pemburuan Chen sehingga beliau melarikan diri atas bantuan Li Dazhao, sila rujuk memoir salah seorang yang terlibat dalam kegiatan mereka pada ketika itu: Gao Yihan, “Li Dazhao tongzhi husong Chen Duxiu chuxian” (Komrad Li Dazhao melindungi Chen Duxiu untuk melepaskan diri daripada bahaya), dalam *Wusi Yundong Qiniji* (Catatan Penglibatan Langsung dalam Gerakan Empat Mei) (Beijing: Zhongguo Wenshi Chubanshe, 1999), hlm 272-276. Untuk catatan tentang cerita tersebut yang dilihat sebagai titik tolak kepada pengasasan PKC, sila rujuk Ma Lianru, *Fengyun Jihui: Zhongguo Gongchandang Chuangshi Lu* (Pergolakan: Rekod Pengasasan Parti Komunis China) (Beijing: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe, 2001), hlm 1-2. Sementara menurut penulisan Zhu Hong pula, terteranya cerita tentang perbincangan antara Chen dan Li untuk merancang hal-hal penubuhan parti komunis dalam perjalanan melarikan ke Tianjin yang tersebut di atas. Sila rujuk Zhu Hong, “Nan Chen Bei Li - Chen Duxiu yu Li Dazhao” (Chen di selatan dan Li di utara - Chen Duxiu dan Li Dazhao), dalam *Chen Duxiu yu Zhongguo Mingren* (Chen Duxiu dan Tokoh Kenamaan China) (Beijing: Zhongyang Bianyi Chubanshe, 1997), hlm 184-186. Pandangan yang serupa juga didapati dalam Li Xin dan Chen Tiejian (penyunting), *Weida de Kaiduan* (Permulaan yang Agung) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1991), hlm 317.

<sup>30</sup> Dalam suatu surat balasan terbuka kepada pembaca majalah *Komentar Mingguan* yang memuji pandangan berasas Chen Duxiu sebagai “mata” masyarakat yang memberikan cahaya kepada pembaca, Li Dazhao di

Li Dazhao telah menulis sebuah sajak untuk mengalau-alukan perkembaliannya, serta memuji keulungannya dalam memberi pengaruh terhadap pendedahan idea baru di kalangan pemuda. Berkali-kali dalam sajak tersebut, Li Dazhao merakamkan kegembiraan semua akan pembebasan Chen, dan memuji ketabahannya dengan mengatakan dalam dua baris sajak bahawa:

Disebabkan anda menyokong kebenaran,  
maka kebenaran juga menyokong anda.<sup>31</sup>

Dari segi penerimaan terhadap Marxisme, minat Chen Duxiu terhadap Marxisme kelihatan agak lewat, terutamanya dibandingkan dengan Li Dazhao. Pada pengamatan Zhang Guotao, Chen memang seorang yang berlidah fasih dengan seni pertuturan yang cukup menarik. Beliau ternyata seorang pembahas yang tegas dan seorang pembidato yang hebat, di samping mempunyai tenaga yang luar biasa dan rajin mengaji serta banyak berfikir. Karakternya yang garang sebagai seorang yang serius sememangnya suatu kontras yang amat ketara berbanding dengan karakter sederhana yang ada pada Li Dazhao.<sup>32</sup>

Dalam pertemuan Zhang dan Chen tersebut, mereka telah mengadakan perbincangan yang panjang lebar dan mendalam tentang tujuan penubuhan parti komunis serta masa depan parti berkenaan dan segala segi dalam perancangan pengorganisasianya. Mereka berdua telah banyak mencapai pandangan yang sepakat dan dengan serta-merta tugas-tugas persediaan telah dimulakan. Chen Duxiu sendiri bertanggungjawab untuk memimpin nukleus Komunis di Shanghai dan merancang penubuhan nukleus-nukleus baru di kawasan selatan China. Sementara Li Dazhao dan Zhang Guotao diminta untuk membangunkan kempen di

---

<sup>31</sup> Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 300.

samping mengucapkan terima kasih kepada sokongan pembaca, telah mengatakan bahawa, "mata" mereka sudah hilang buat masa yang agak lama, dan bertanyakan "Siapakah yang telah merampas sinaran cahaya kami?" (Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 300). Dalam sepucuk surat kepada sahabatnya, Li memberitahu bahawa "Duxiu telah diberkas, agak sibuk sekarang kerana tengah berikhtiar untuk menyelamatkannya setiap hari. namun masih belum ada berita baik." (Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 302) Dalam penghujung suratnya kepada Profesor Yoshino Sakuzo, Li Dazhao menyeru agar Yoshino Sakuzo dapat memberikan sokongan berlandaskan pandangan yang adil saksama agar Chen Duxiu dapat dibebaskan (Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 276). Untuk pengenalan ringkas tentang Yoshino Sakuzo yang pernah menjadi pensyarah Li Dazhao di Kolej Sains Politik dan Undang-undang Beiyang, sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 200.

<sup>32</sup> Sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 328.

<sup>32</sup> Sila rujuk Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 98-99.

bahagian utara, dimulakan dengan penubuhan nukleus Beijing. Dalam pada itu, ketika perbincangan Zhang dan Chen mencapai hasil-hasil yang bernalas, Zhang telah diberitahu oleh Chen pada 21 Ogos 1920 bahawa, wakil dari Comintern (*Communist International*) telah menghubunginya dan akan memberikan sokongan kepada PKC yang akan ditubuhkan.<sup>33</sup> Lantaran itu, nukleus Shanghai, sebagai nukleus Komunis yang pertama di China telah ditubuhkan pada Ogos 1920.<sup>34</sup>

Sementara itu, pada pertengahan September 1920, nukleus Komunis China di Beijing telah mengadakan mesyuarat kali pertamanya, bertempat di pejabat Li Dazhao di Perpustakaan Universiti Peking. Mesyuarat yang dihadiri oleh sembilan orang anggota ini telah menandakan penubuhan secara rasmi nukleus komunis ini.<sup>35</sup> Dalam mesyuarat tersebut, masalah-masalah organisasi dan kaedah-kaedah perjalanan tugas nukleus dibincangkan. Disebabkan oleh penyertaan beberapa orang anarkis yang berpegang kepada doktrin mereka yang bercadang agar tidak dilantik sebarang pegawai dalam nukleus tersebut, maka tidak ada jawatan-jawatan khas yang diperuntukkan tetapi tugas-tugas nukleus dibahagikan di antara ahli-ahlinya. Sebagai contoh, mereka membuat keputusan untuk tidak melantik seorang setiausaha, tetapi telah memilih Li Dazhao sebagai koordinator di kalangan mereka.<sup>36</sup>

Sememangnya, selaku pemimpin nukleus Komunis China di Beijing dalam erti kata yang sebenar, Li Dazhao berhasrat untuk menggabungkan semua peminat-peminat sosialis di bawah nukleusnya yang berteraskan Marxisme itu. Tetapi, pengalaman awal pimpinannya itu sering menghadapi kekecewaan. Kerjasama golongan Marxisme dengan golongan anarkisme sering mengalami kesulitan. Justeru itu, ramai peminat anarkis yang menyertai nukleus

<sup>33</sup> Wakil Comintern yang dimaksudkan ialah Gregory Voitinskii, setiausaha Biro Timur Jauh yang diutuskan dengan misi untuk mengadakan hubungan dengan intelektual China bagi tujuan menubuhkan parti komunis. Voitinskii telah berjumpa dengan Li Dazhao di Beijing dan Li pula merujukkan Voitinskii kepada Chen Duxiu di Shanghai. Sila rujuk C. Martin Wilbur dan Julie Lien-ying How (penyunting), *Documents on Communism, Nationalism, and Soviet Advisers in China 1918-1927* (New York: Columbia University Press, 1956), hlm 79-80.

<sup>34</sup> Sha Jiansun (penyunting), *Zhongguo Gongchandang Tongshi* (Sejarah Parti Komunis China), Jilid 1 (Hunan: Jiaoyu Chubanshe, 2000), hlm 302. Organisasi kecil ini diasaskan di pejabat penyuntingan majalah *Pemuda Baru* di Shanghai dengan penyertaan lima orang ahli.

<sup>35</sup> Sila rujuk Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 111.

<sup>36</sup> Ibid., hlm 111.

Beijing itu telah menarik diri dalam masa yang singkat. Akibatnya, bilangan anggota nukleus itu tidak stabil dan pernah merosot sehingga menjadi empat orang sahaja.<sup>37</sup>

Sebagai jalan penyelesaian masalah kekurangan tenaga anggota, mereka telah mengundang beberapa orang anggota utama Pertubuhan Pemuda Sosialisme untuk menyertai barisan mereka. Sambutan yang menggalakkan daripada pertubuhan itu telah meningkatkan keanggotaan nukleus Beijing itu kepada 15 orang dan sekaligus menyemarakkan semangat mereka. Dalam satu mesyuarat rasmi pada penghujung November 1920, nukleus Komunis China di Beijing telah ditukar nama menjadi Cawangan Beijing bagi PKC. Li Dazhao telah dipilih sebagai setiausaha dan menurut Zhang Guotao, kerja mereka mula berjalan lancar di atas landasan yang tepat sejak penyelarasannya.<sup>38</sup>

Sumber peruntukan perbelanjaan kos penyenggaraan kegiatan nukleus Beijing sememangnya satu masalah yang sentiasa merunsingkan anggota-anggotanya. Sejak penubuhannya, peruntukan itu diperoleh dengan pungutan derma daripada kalangan anggota-anggotanya. Li Dazhao telah secara sukarela untuk menderma sebanyak lapan puluh dolar perak daripada gajinya untuk menampung perbelanjaan pelbagai aktiviti nukleus itu. Keadaan keluarga Li ternyata dalam kemiskinan, tetapi beliau tetap menghulurkan usaha dan bantuan dengan kemampuan dan pengorbanan yang maksimum untuk meneruskan perjuangan mereka itu. Namun, nukleus itu terus menghadapi kesempitan kewangan. Zhang Guotao berasa tidak patut menambahkan beban ke atas Li Dazhao, maka membawa usul itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat. Lantaran itu, diputuskan bahawa setiap anggota perlu menderma dalam sejumlah wang setakat yang mampu setiap bulan, dengan perihal perbelanjaan ini disenggarakan oleh Li Dazhao. Maka, situasi kewangan nukleus itu beralih menjadi stabil secara relatifnya.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Ibid., hlm 113.

<sup>38</sup> Ibid., hlm 113-114.

<sup>39</sup> Ibid., hlm 112, dan 117.

Kongres Perwakilan Kebangsaan yang pertama bagi PKC, telah dilangsungkan dalam Julai 1921 di Shanghai,<sup>40</sup> tanpa kehadiran dua orang pemimpin yang terpenting, iaitu Chen Duxiu dan Li Dazhao.<sup>41</sup> Meskipun begitu, ketidakhadiran itu tidak menggugat kedudukan mereka di dalam parti yang kemudiannya telah memegang kemudi pemerintahan China. Chen Duxiu dan Li Dazhao yang pada ketika itu masing-masing berusia 42 dan 32 tahun telah diberi sanjungan tinggi sebagai pengasas bersama PKC.<sup>42</sup>

<sup>40</sup> Sudah menjadi tradisi lama bagi China untuk menyambut hari kelahiran PKC pada 1 Julai, sejak cadangan itu diusulkan oleh Mao Zedong pada Mei 1938, tetapi tidak terdapat catatan rasmi tentang tarikh Kongres Perwakilan Kebangsaan Pertama PKC, yang menandakan tarikh sebenar pengisytiharan rasmi bagi penubuhan PKC. Sila rujuk Sha Jiansun (penyunting), *Zhongguo Gongchandang Tongshi* (Sejarah Parti Komunis China), Jilid 1, hlm 396-397. Menurut Zhang Guotao pula, perlengsungan kongres ini dijadualkan pada pertengahan Jun 1921, dan akhirnya telah ditetapkan pada 1 Julai 1921 dan berlanjutan hingga 10 Julai 1921 (Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 136, 142-151). Menurut Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Shandong: Shandong Renmin Chubanshe, 1998), hlm 386, dicatatkan dengan jitu sekali bahawa kongres tersebut yang dijalankan secara mesyuarat sulit telah diadakan pada jam lapan malam, 23 Julai 1921. Tetapi, catatan tersebut tidak disertakan sebarang sumber maklumatnya. Bagi Maurice Meisner, tidak menyentuh tentang persoalan tarikh kongres dalam bukunya, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*. Begitu juga dengan Chen Yongfa yang hanya menyatakan bulan (iaitu Julai 1921) berlangsungnya kongres itu dalam *Zhongguo Gongchan Geming Qishinian* (Tujuh Puluh Tahun dalam Revolusi Komunis China). Tetapi, di sebalik kekeliruan yang timbul, Chow Tse-tsung telah mengutarakan pandangan bahawa, satu Parti Komunis China telah ditubuhkan secara sulit di Shanghai pada Mei 1920. Ini harus dilihat sebagai tarikh sebenar bagi pengasasan PKC, dan bukannya Julai 1921 yang ditetapkan secara rasmi oleh pihak PKC pada hari kemudiannya. Sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1960), hlm 248. Sememangnya terdapat banyak ketidakpastian dan perbezaan yang ketara, di antara rekod-rekod tentang tarikh, tempat, bilangan ahli parti dan bilangan peserta dalam Kongres Perwakilan Kebangsaan yang pertama bagi PKC. Untuk perbincangan lanjut tentang persoalan-persoalan ini, sila rujuk Sha Jiansun (penyunting), *Zhongguo Gongchandang Tongshi* (Sejarah Parti Komunis China), Jilid 1, hlm 385-403. Walau bagaimanapun, persoalan-persoalan ini tidak membawa halangan dalam membincangkan peranan Li Dazhao sebagai pengasas PKC.

<sup>41</sup> Cawangan Beijing yang dipimpin oleh Li Dazhao telah menjadi pusat kepada gerakan Komunisme di bahagian utara China. Rakan-rakan seperjuangan dari cawangan-cawangan yang lain mengharapkan Li Dazhao dapat menghadirkan diri dalam kongres tersebut. Tetapi Li yang sibuk dengan urusan rasmi di universiti yang ketika itu pada penghujung semester, tidak dapat turut hadir dalam kongres itu. Sementara Chen Duxiu pula terbelenggu oleh tugasnya di Guangzhou yang menyebabkan beliau turut tidak dapat menghadirkan diri dalam kongres julung kali itu. Sila rujuk Li Xin dan Chen Tiejian (penyunting), *Weida de Kaiduan* (Permulaan yang Agung) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1991), hlm 433-440.

<sup>42</sup> Mereka berdua telah dilihat sebagai intelektual yang paling terkemuka di dalam PKC, yang dikenali ramai di seluruh China. Selepas penubuhan PKC, ibu pejabat pusat parti telah ditetapkan di Shanghai dan Chen dipilih sebagai setiausaha agung parti yang selaku pemimpin tertinggi. Sementara cawangan Beijing pada hakikatnya kekal bebas di bawah pimpinan Li. Chen Duxiu dan Li Dazhao telah diberi gelaran "Nan Chen Bei Li" (Chen di selatan dan Li di utara sebagai individu paling penting dalam pengelolaan awal dalam kegiatan PKC) sebagai dua orang tokoh yang memainkan peranan paling dominan dalam pengasasan PKC. Tetapi, mengikut interpretasi Maurice Meisner, ungkapan slogan "Nan Chen Bei Li" menunjukkan bahawa wujudnya dua kuasa yang dominan di dalam parti. Parti itu dalam tahun-tahun awalnya tidak bertindak sebagai sebuah entiti yang bersatu, baik dari segi ideologi maupun dari segi organisasi. Cawangan utara di bawah pimpinan Li Dazhao telah mengekalkan kebebasan yang besar, walaupun tidak menentang secara langsung terhadap jawatankuasa pusat di Shanghai (Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 119). Immanuel Hsu sependapat dengan Meisner, mengatakan bahawa ungkapan slogan tersebut telah menandakan keadaan tiadanya organisasi ketat sebagai parti yang bersatu sejak penubuhannya (Sila rujuk Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 517). Namun, dalam parti yang sememangnya wujud pelbagai pendirian dan asal-usul ideologi yang berbeza-beza di kalangan pemimpinnya itu (misalannya anarkisme, Marxisme ala Soviet dan ala

Chen Duxiu telah dipilih sebagai setiausaha agung PKC yang pertama sementara Li Dazhao memandangkan kesibukannya di universiti, tidak dapat meninggalkan Beijing untuk masa yang panjang. Justeru itu, beliau tidak dapat memegang jawatan pucuk pimpinan dalam jawatankuasa pusat PKC yang bertapak di Shanghai. Walaupun begitu, Li Dazhao terus menjadi pemimpin utama bagi cawangan komunis di utara China dan menduduki tangga kedua di dalam hierarki kuasa parti selepas Chen Duxiu.<sup>43</sup>

Menurut tafsiran pihak PKC, parti itu sebuah parti kelas pekerja, hasil daripada gabungan gerakan pekerja China dan Marxisme-Leninisme.<sup>44</sup> Tetapi jika ditinjau dari sejarah awal pembentukan PKC, para pelopor pengasasannya merupakan golongan terpelajar dalam arena akademik yang rata-rata merupakan profesor-profesor dan pelajar-pelajar universiti. Justeru itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa, sungguhpun dari sudut ideologi PKC mendeklarasikan diri sebagai mewakili kelas pekerja, tetapi pada hakikatnya adalah segolongan intelektual yang melancarkan revolusi.<sup>45</sup> Gandingan Li Dazhao dan Chen Duxiu dalam mengetuai kegiatan awal PKC barangkali merupakan bukti yang paling sahih.

---

Jepun), terdapat koordinasi dalam pelbagai keputusan yang diambil di antara kedua-dua Li dan Chen, yang sudah bekerjasama sejak awal era Gerakan Empat Mei lagi.

<sup>43</sup> Sememangnya wujud tradisi menyenaraikan kedudukan pemimpin mengikut hierarki kuasa dalam parti di kalangan parti-parti sayap kiri yang tidak semestinya menurut hierarki jawatan yang dipegang oleh seseorang pemimpin sama dalam parti atau kerajaan. Chen Duxiu telah menduduki tangga pertama dalam senarai pemimpin-pemimpin pucuk pimpinan PKC dengan merangkap jawatan setiausaha agung parti dari Kongres Perwakilan Kebangsaan yang pertama hingga yang kelima (1921-1927) selaku pemimpin tertinggi parti yang tidak dapat dipertikaikan kesahihannya. Sementara Li Dazhao telah menduduki tangga kedua di dalam senarai pucuk pimpinan itu selama tiga penggal berturut-turut, walaupun tidak memegang sebarang jawatan pusat, malahan tidak dapat menghadiri kongres yang pertama dan kedua. Sila rujuk jadual "Senarai nama anggota-anggota pucuk pimpinan PKC dari Kongres Perwakilan Kebangsaan yang pertama hingga yang ketujuh" dalam Li Gucheng, *Zhonggong Zheng Tianxia Hexin Renwu Pingjie* (Komentar tentang Tokoh-tokoh Utama dalam Kebangkitan Parti Komunis China) (Hong Kong: Mingbao Chubanshe, 1996).

<sup>44</sup> Pandangan yang sedemikian boleh dirujuk pada Sha Jiansun (penyunting), *Zhongguo Gongchandang Tongshi* (Sejarah Parti Komunis China), hlm 297.

<sup>45</sup> Sila rujuk Chen Yongfa, *Zhongguo Gongchan Geming Qishinian* (Tujuh Puluh Tahun dalam Revolusi Komunis China), Jilid 1 (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1998), hlm 41.

### 5.3 Usaha mengadaptasikan Marxisme ke dalam sosioekonomi China

Seperti yang diketengahkan oleh Isaiah Berlin, salah seorang sarjana yang paling terkemuka dalam kurun keduapuluhan bahawa, “tiada pemikir lain dalam kurun kesembilanbelas yang telah memiliki satu pengaruh yang begitu terus-menerus, mendalam dan bertenaga terhadap umat manusia seperti Karl Marx.”<sup>46</sup> China moden dalam kurun keduapuluhan yang sememangnya berada di dalam perkampungan global dunia ini, tidak terlepas daripada pengaruh idea-idea Karl Marx, khususnya yang membawa impak bersifat revolusioner.

Dalam tradisi falsafah Jerman, “kehendak” (*will*) sentiasa memainkan peranan yang melampaui kuasa manusia (*superhuman force*). “Kehendak” tersebut telah dimanfaatkan oleh Karl Marx dalam Materialisme Dialektik dan digabungkan dengan idea dan kuasa revolusionernya. Justeru itu, Marx dalam penulisannya, *Theses on Feuerbach* telah mengatakan bahawa, “ahli-ahli falsafah hanya menginterpretasi dunia ini, tugas kami pula adalah mengubah dunia ini.”<sup>47</sup> Berkat unsur moral yang kuat dan perspektif antarabangsa yang jauh, Karl Marx telah cuba mengadun idea kehendak dalam falsafah Jerman yang primitif menjadi suatu gerakan yang konkret, dengan harapan untuk membimbing umat manusia ke arah kemakmuran, kebahagiaan dan kebebasan.<sup>48</sup> Dengan elemen moral yang kuat dalam Marxisme, sekiranya seseorang Marxis telah meneguhkan kehendaknya untuk mengubah dunia ini, kehendak itu akan ditransformasi menjadi suatu kuasa ghaib yang akan mendorongnya ke arah pencapaian matlamat.

<sup>46</sup> Isaiah Berlin, *Karl Marx: His Life and Environment* (London: Oxford University Press, 1963), hlm 1.

<sup>47</sup> Untukuraian yang terperinci, sila rujuk Edmund Wilson, *To the Finland Station: A Study in the Writing and Acting of History* (London: Collins, 1962), hlm 197.

<sup>48</sup> Harus ditegaskan bahawa, seperti yang dipersetujui oleh kebanyakan pengkaji Marx dan Marxisme, idea-idea ini hanyalah kehendak sejati Karl Marx, tetapi pada hakikatnya, disebabkan kelemahan dan kekurangan dari segi doktrin-doktrin falsafah Marx, serta kesulitan dan pemesongan yang berlaku dalam pelaksanaan Marxisme, akibat yang bertentangan dengan harapan Marx sering terjadi dalam perkembangan sejarah selepas kematian Marx. Keadaan ini mungkin benar seperti yang terpapar dalam ungkapan Marx sendiri bahawa, “Sejarah adalah hakim”. Untuk keterangan mendalam, sila rujuk Edmund Wilson, *To the Finland Station: A Study in the Writing and Acting of History*, hlm 181-201.

Idea-idea Marxisme bukan sahaja menuntut komitmen dari segi politik tetapi juga dari segi intelektual. Li Dazhao dengan nyata terpikat oleh pandangan Karl Marx yang sentiasa bertenaga dinamik tersebut. Li bukan sahaja berminat untuk menginterpretasi dunia ini, tetapi juga bertekadkan hasrat untuk mengubah dunia ini, dengan bermula dari tanahairnya dan seterusnya menghubungkan revolusi negaranya dengan arus revolusi dan pemodenan dunia antarabangsa. Guo Chengtang, pengkaji Chen Duxiu yang terkenal, telah menyatakan bahawa, Li Dazhao barangkali satu-satunya intelektual China yang melihat kejayaan revolusi proletariat Rusia sebagai kejayaan golongan proletariat dunia dan arus politik baru dalam kurun keduapuluhan.<sup>49</sup>

Sejak awal tahun 1921 lagi, isu pelaksanaan sosialisme di China telah dijadualkan dalam agenda perbincangan umum. Li Dazhao mengutarakan pandangannya untuk mempromosikan sosialisme agar kajian yang lebih mendalam dapat dijalankan terhadap kemungkinan dan kaedah pelaksanaan sosialisme di China, dengan didahului oleh kerja penterjemahan penulisan-penulisan sosialisme yang terkenal.<sup>50</sup> Li telah banyak membicarakan kemungkinan terlaksananya pembangunan industri menerusi aplikasi sosialisme di China. Beliau membela kebaikan sosialisme dalam memajukan perindustrian dengan mengatakan sosialisme adalah lebih sesuai dalam membangunkan industri berbanding dengan kapitalisme.<sup>51</sup>

Di samping menuahkan kumpulan-kumpulan perbincangan Marxisme, Li Dazhao juga berpeluang untuk menyebarkan idea-idea sosialisme menerusi syarahan kuliah di universiti-universiti. Mulai 23 Julai 1920, Li telah mula menyandang jawatan profesor dan

<sup>49</sup> Guo Chengtang, *Chen Duxiu yu Zhongguo Gongchan Zhuyi Yundong* (Chen Duxiu dan Gerakan Komunisme China) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1991), hlm 133.

<sup>50</sup> "Zhongguo de shehui zhuyi ji qi shixing fangfa de kaocha" (Sosialisme China dan kajian mengenai kaedah pelaksanaannya), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 583-584.

<sup>51</sup> "Shehui zhuyi xia zhi shiye" (Perindustrian di bawah Sosialisme), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 617-618.

banyak penulisannya berkenaan dengan konsepsi sejarah materialistik, sosialisme, gerakan pekerja, dan wanita selepas itu adalah merupakan rekod bertulis syarahan kuliahnya.<sup>52</sup>

Li Dazhao telah banyak memberi penekanan ke atas pengajiannya yang berkisar di sekitar konsepsi sejarah materialistik dan juga pemikiran pengajian sejarah. Bermula dengan kajian awalnya yang terpapar dalam rencana “Pandangan saya mengenai Marxisme”, banyak usaha telah dicurahkan kepada pengajian dalam aspek tersebut. Dengan itu, Li Dazhao dapat memunculkan diri sebagai sarjana yang mempunyai pandangan yang lebih mendalam terhadap konsepsi sejarah materialistik, dan sekaligus menjadikan beliau profesor pertama yang berkemampuan menawarkan konsepsi sejarah materialistik sebagai satu kursus yang boleh dikuliahan di Universiti Peking.<sup>53</sup>

Sebagai seorang Marxis, Li Dazhao menjadi lebih komited terhadap pemahaman sejarah, demi mencapai pemahaman yang ke atas hukum-hukum umum dalam perkembangan sejarah, agar mengetahui realiti sejarah kontemporari yang diperlukan dalam membimbing kegiatan orang pada dewasa kini dan mencipta utopia sosialis pada masa akan datang. Li telah menerima komitmen ini dengan penuh ghairah. Bermula dari tahun 1920 hingga akhir hayatnya dalam masa tujuh tahun kemudiannya, minat intelektualnya yang utama terletak pada pengajian terhadap teori sejarah amnya dan konsepsi sejarah materialistik khasnya.<sup>54</sup>

Bagi Li Dazhao, “konsepsi sejarah materialistik” merupakan suatu hukum sosiologi yang ditemukan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. Beliau berasa bahawa konsepsi ini adalah lebih sesuai disebut sebagai “konsepsi sejarah ekonomi” memandangkan faktor penentuan ekonomi dalam mempengaruhi perubahan sosial. Konsepsi sejarah materialistik memperjelaskan perubahan dalam masyarakat manusia dengan mangatakan bahawa, “kemandirian manusia hanya bergantung kepada kemampuannya menyara diri, maka

---

<sup>52</sup> Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 276.

<sup>53</sup> Bagi tajuk-tajuk kuliah dalam kursus “Konsepsi sejarah materialistik” yang ditawarkan oleh Li Dazhao, sila rujuk ibid., hlm 280.

<sup>54</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 155-156.

kehidupan dari aspek ekonomi merupakan syarat fundamental dalam segala aspek hidup.”<sup>55</sup>

Li Dazhao melihat kemunculan konsepsi sejarah materialistik telah memiliki makna yang progresif dalam pengajian sejarah moden. Beliau cuba menjelaskan salah faham orang ramai bahawa konsepsi sejarah materialistik suatu pandangan sejarah yang bercorak ketakdiran. Sebaliknya, makna konsepsi tersebut terpancar pada interpretasinya yang membuktikan bahawa sejarah zaman lampau adalah ciptaan manusia sendiri.<sup>56</sup>

Li Dazhao memandang berat terhadap pembentukan konsepsi sejarah yang baru di China, disebabkan beliau berpandangan bahawa, “konsepsi sejarah sebenarnya piawaian hidup manusia, untuk memperoleh satu pandangan hidup yang tepat, mesti mendapat satu konsepsi sejarah yang tepat terlebih dahulu.”<sup>57</sup> Dalam penulisan “Teori-teori penting dalam pengajian sejarah” (Shixue yaolun), Li Dazhao telah menghuraikan secara sistematik tentang teori-teori utama dalam pengajian sejarah menerusi enam bahagian, iaitu sejarah, pengajian sejarah, sistem pengajian sejarah, pengajian sejarah dengan pengajian sains, pengajian sejarah dengan pengajian-pengajian sains yang lain, serta pengaruh dan makna pengajian sejarah terhadap hidup manusia.<sup>58</sup> Bagi Li Dazhao, pengajian sejarah mempunyai tiga implikasi yang utama: yang pertama, mengkaji perkembangan masyarakat manusia yang sentiasa berubah; yang kedua, mendapatkan realiti perkembangan manusia menerusi bukti-bukti yang sah; mengkaji sejarah sebagai satu siri peristiwa yang saling mengait dan saling mempengaruhi agar mencapai satu prinsip umum yang dapat menjelaskan implikasi yang saling berhubung di antara suatu peristiwa dengan peristiwa yang lain.<sup>59</sup> Li Dazhao telah banyak memperkenalkan pemikiran para sejarawan Barat kepada pelajar-pelajar China.

Li Dazhao telah cuba menganalisis perkembangan sejarah China menerusi konsepsi sejarah materialistik berorientasikan faktor ekonomi. Beliau menegaskan bahawa,

<sup>55</sup> “Weiwei shiguan zai xiandai shixue shang de jiazhi” (Nilai konsepsi sejarah materialistik dalam pengajian sejarah moden), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 538.

<sup>56</sup> Ibid., hlm 543.

<sup>57</sup> “Shi guan” (Konsepsi sejarah), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 307.

<sup>58</sup> “Shixue yaolun” (Teori-teori penting dalam pengajian sejarah), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 355-410.

<sup>59</sup> Ibid., 369.

"perubahan ekonomi merupakan faktor penting dalam perubahan pemikiran."<sup>60</sup> Li menjelaskan bagaimana kemaraan ekonomi perindustrian Barat telah memberi tekanan ke atas ekonomi pertanian di China, yang seterusnya menggugat asas kedudukan etika Konfusian. Beliau telah melanjutkan hujahnya dengan memaparkan bahawa, gerakan demokrasi dari segi politik, dan gerakan-gerakan liberalisasi dari segi sosial, serta gerakan pekerja telah meleraikan sistem etika Konfusian.<sup>61</sup> Beberapa cubaan telah diambil Li Dazhao untuk memperkenalkan teori-teori ekonomi Karl Marx sebagai sandarannya dalam menganalisis perubahan ekonomi di China.<sup>62</sup>

Li Dazhao telah mengirimkan syarahan yang bertajuk, "Sosialisme dan gerakan sosial" (Shehui zhuyi yu shehui yundong), yang merupakan sebuah penulisan komprehensif mengenai sosialisme dengan menggalurkan definisi, bentuk-bentuk salah faham terhadap sosialisme, dan sejarah perkembangan serta perbezaan aliran-aliran Sosialisme.<sup>63</sup> Penghuraianya cuba menjelaskan azamnya untuk menggantikan kapitalisme dengan sosialisme. Dengan berdasarkan kaedah analisis dialektikal materialisme, beliau cuba menjelaskan perubahan sosio-politik menerusi asas ekonomi, dengan berpandukan keadaan di Rusia. Idea-idea ini telah dilanjutkan dalam penulisan Li Dazhao yang kemudiannya.

Dalam syarahananya di Persatuan Ekonomi Universiti Peking pada Januari 1923, Li Dazhao cuba menggambarkan keadaan ekonomi di bawah sistem sosialisme. Beliau turut merumuskan tiga tahap implementasi sosialisme, iaitu: pertama, perampasan kuasa; kedua, sosialisasi mekanisme pengeluaran dan pertukaran; dan ketiga, terbentuknya pertubuhan pengagihan pengeluaran dan pelaksanaan hal-hal ehwal.<sup>64</sup> Beliau semakin berkeyakinan, dengan realisasinya sistem sosialisme dalam masyarakat dengan menewaskan sistem

<sup>60</sup> "You jingji shang jieshi Zhongguo jindai sixiang biandong de yuanyin" (Menginterpretasi faktor-faktor perubahan pemikiran moden China dari aspek ekonomi), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 433.

<sup>61</sup> Ibid., hlm 438-440.

<sup>62</sup> *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 41-48, dan 201-205.

<sup>63</sup> "Shehui zhuyi yu shehui yundong" (Sosialisme dan gerakan sosial), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 503-571. Penulisan ini telah dilihat sebagai rekod syarahan kuliah Li Dazhao yang dapat disimpan dalam keadaan yang lebih sempurna, bagi keterangannya sila rujuk Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 277-279.

<sup>64</sup> "Shehui zhuyi xia de jingji zhuzhi" (Pertubuhan ekonomi di bawah Sosialisme), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 143.

kapitalisme, maka khalayak ramai akan memperoleh kebebasan yang sebenar dan kebebasan yang saksama sekali.<sup>65</sup>

Perlu ditegaskan bahawa, Li Dazhao yang memegang jawatan sebagai profesor di institusi-institusi pengajian tinggi telah membolehkan beliau mempromosikan idea-idea Marxisme sebagai doktrin yang dapat diaplikasikan ke dalam situasi realiti sosio-ekonomi China kepada golongan terpelajar. Dengan terbentuknya pengaruh yang kuat di kalangan golongan terpelajar itu, implikasi sebaran idea-idea Marxisme yang terjana adalah berkesan. Dari aspek pencapaian akademik, cubaan Li Dazhao dalam mengaplikasikan teori-teori asas Marxisme ke dalam bidang pengajian sejarah telah memberi sumbangan yang besar di dalam pengasasan aliran sejarah Marxisme China, yang kemudiannya telah mendominasi historiografi China selepas penubuhan Republik Rakyat China pada tahun 1949.<sup>66</sup> Kaedah yang diambil oleh Li Dazhao terhadap konsepsi sejarah materialistik telah secara jelas membayangkan tema-tema dan masalah tertentu yang penting dalam pandangan dunia sejarah Komunis China kontemporari. Maurice Meisner telah menyatakan bahawa, “Li Dahzao, mungkin sudah terkenal, bukan sahaja sebagai Marxis yang pertama di China, beliau juga merupakan sejarawan Marxis yang pertama di China.”<sup>67</sup>

Meisner telah membuat pernyataan bahawa, walaupun bagaimana pentingpun Li Dazhao sebagai seorang pemimpin politik Komunis, beliau adalah lebih penting lagi dari sudut sejarah sebagai seorang penginterpretasi China bagi teori Marxis.<sup>68</sup> Pada hakikatnya, usaha “domestikasi” Li Dazhao ke atas Marxisme-Leninisme pada awal era 1920-an telah membentuk prasyarat dari segi intelektual dan ideologi kepada strategi revolusi Maoist yang

<sup>65</sup> “Shehui zhuyi shiyi” (Menjelaskan kemosyikilan mengenai Sosialisme), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 273.

<sup>66</sup> Berkenaan dengan sumbangan Li Dazhao dalam pengasasan aliran sejarah Marxisme China, yang turut mencapai aspek falsafah, politik, ekonomi dan sebagainya, khususnya dalam pembentukan interpretasi terhadap konsepsi sejarah materialistik di China, sila rujuk Wu Hanquan, *Li Dazhao yu Zhongguo Xian dai Xueshu* (Li Dazhao dan Akademik Modern China) (Shijiazhuang: Hebei Jiaoyu Chubanshe, 2002), hlm 197-241.

<sup>67</sup> Maurice Meisner, “Li Ta-chao and the Chinese Communist treatment of the Materialist Conception of History,” dalam Albert Feuerwerker (penyunting), *History in Communist China* (Massachusetts: Massachusetts Institute of Technology, 1968), hlm 278.

<sup>68</sup> Maurice Meisner, “Li Ta-chao and the intellectual prerequisites for the Maoist strategy of revolution,” dalam Chun-tu Hsueh (penyunting), *Revolutionary Leaders of Modern China* (New York: Oxford University Press, 1971), hlm 381.

kemudiannya. Segala usaha "domestikasi" dan pengubahsuaian Li Dazhao ke atas interpretasi Marxisme telah meletakkan prasyarat kepada doktrin yang kemudiannya digelar sebagai "Maoisme".<sup>69</sup> Orientasi gerakan Li yang memberi penekanan ke atas komuniti massa petani, yang sememangnya bersesuaian dengan realiti di China telah digelarkan sebagai "barisan Li Dazhao" yang telah mendahului Mao Zedong dalam menggalakkan revolusi agraria.<sup>70</sup>

China secara tradisinya sebuah negara agraria yang besar dengan komuniti petani yang ramai bilangan populasinya. Menurut tafsiran seorang pengkaji kesedaran petani di China bahawa, "untuk membawa perubahan ke atas masyarakat China, mesti menggerakkan kawasan-kawasan desanya, mesti menggerakkan para petaninya. Sekiranya tidak, segala seruan "demokrasi", atau seruan "sosialisme" akan lenyap dengan begitu sahaja."<sup>71</sup> Tidak seperti kebanyakan intelektual yang lain pada ketika itu, Li Dazhao sejak tahun 1919 lagi sudah sedar akan hakikat tersebut. Beliau telah menyarankan agar golongan pemuda pergi ke kawasan desa untuk meneroka dan membangunkan sektor luar bandar, seperti usaha yang pernah dilakukan oleh pemuda Rusia untuk menyebarkan gerakan Komunisme di desa-desa. Beliau merupakan orang pertama yang sedar bahawa, kelas intelektual perlu bersepada dengan kelas pekerja untuk menyuntik nafas baru ke dalam masyarakat.<sup>72</sup> Beliau juga peka dan sedar bahawa keadaan China adalah berlainan dengan Rusia; Status China sebagai sebuah negara agraria perlu diambil kira, memperlihatkan kebanyakan tenaga kerjanya adalah golongan petani. Maka, sekiranya golongan petani tidak diliberalisasi, bermaksud keseluruhan warga negara tidak diliberalisasi.<sup>73</sup> Pandangan Li Dazhao ini telah mempengaruhi segolongan pemuda terpelajar untuk memperluaskan usaha kajian ke atas khidupan dan masalah golongan petani di desa-desa. Usaha ini seterusnya telah meletakkan

<sup>69</sup> Ibid., hlm 382-393.

<sup>70</sup> James Chieh Hsiung, *Ideology and Practice - The Evolution of Chinese Communism* (New York: Praeger Publishers, 1970), hlm 50-52.

<sup>71</sup> Feng Chongyi, *Nongmin Yishi yu Zhongguo* (Kesedaran Petani dengan China) (Hong Kong: Zhonghua Shuju, 1989), hlm 135.

<sup>72</sup> "Qingnian yu nongcun" (Pemuda dan desa), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 179.

<sup>73</sup> Ibid., hlm 179-180.

asas kepada perluasan pengaruh PKC di kawasan luar bandar yang merangkumi kebanyakan keluasan tanah di China.

Seruan dalam “Pemuda dan desa” telah dilihat sebagai satu ekspresi yang paling setia terhadap semangat Populisme Rusia awal di dalam sejarah intelektual China moden.<sup>74</sup> Li Dazhao bukan seorang Populis dalam erti kata yang mudah, tetapi kecenderungan populis yang diperkenalkannya telah menjadi satu aliran yang bertenaga di dalam Gerakan Marxis China. Dari sudut pandangan hala tuju Komunisme China, rencana “Pemuda dan desa” yang ditulis pada tahun 1919, dapat dilihat sebagai suatu usaha rintisan dalam menyediakan iklim intelektual untuk pendekatan-pendekatan Marxis yang bukan ortodoks terhadap soal peranan golongan petani di dalam revolusi China.<sup>75</sup> Rencana “Tanah dan petani” yang dikarang tujuh tahun kemudiannya, pula menandakan satu langkah yang paling penting oleh Li Dazhao di dalam hala tuju bukan ortodoks itu.

Hasrat untuk memanfaatkan kekuatan petani dalam revolusi semakin meningkat bukan sahaja di dalam hati Li Dazhao tetapi juga pada kebanyakan pemimpin PKC kemudiannya. Selepas terbentuknya kerjasama PKC dengan GMD yang pertama, Li Dazhao telah mengambil inisiatif dalam melatih pemimpin serta membimbing dari segi teoretis dalam gerakan petani. Dengan analisis yang kaya dengan statistik berkenaan kedudukan golongan petani pelbagai kategori, Li Dazhao telah menggalurkan perkembangan gerakan petani berkenaan hak tanah dari perspektif sejarah hingga perkembangan terkini tentang kesempitan yang dihadapi oleh para petani.<sup>76</sup> Beliau melihat penubuhan persatuan petani sebagai tugas paling utama. Justeru itu, beliau menyarankan agar komrad pemudanya yang menyertai revolusi harus membantu para petani dalam memperbaiki organisasi petani, di samping mempertingkatkan tahap kebudayaan di kawasan desa. Li Dazhao mempunyai keyakinan bahawa, kejayaan dalam mengorganisasikan khalayak petani di China, akan menjayakan

<sup>74</sup> Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 86.

<sup>75</sup> Ibid., hlm 89.

<sup>76</sup> “Tudi yu nongmin” (Tanah dan petani), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 616-631.

Revolusi Nasional di China.<sup>77</sup> Pandangan ini telah mempengaruhi mentaliti pemimpin PKC dalam melancarkan gerakan massa di China pada tahun-tahun yang menyusul.

Sejak awal penubuhannya lagi, usaha menggerakkan kumpulan di kalangan pekerja merupakan suatu tugas paling penting yang sentiasa ditekankan oleh para pemimpin PKC. Pembelaan nasib golongan pekerja telah menjadi agenda utama dalam usaha merealisasikan sistem sosialisme semenjak penubuhan PKC. Li Dazhao bersama dengan pucuk pimpinan PKC di Beijing telah mengetuai gerakan pekerja di utara. Selain pengasasan majalah, sekolah dan persatuan serta kelab pekerja, beberapa permogokan pekerja telah dilancarkan. Selain membantu dalam menggerakkan aktiviti khalayak umum, Li Dazhao lebih memberi penekanan terhadap promosi gerakan pekerja demi mendidik golongan buruh agar menjaga hak mereka.

Pada Hari Pekerja tahun 1920, beliau telah mengemukakan rencana tentang “Sejarah gerakan ‘*May day*’” bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja China. Rencana yang menjangkau hampir sepuluh ribu patah perkataan tersebut telah dilihat sebagai penulisan pertama yang mengisahkan Hari Pekerja Satu Mei dalam sejarah China.<sup>78</sup> Li Dazhao seterusnya meninggikan semangat perjuangan pekerja dalam rencana “Makna yang dibawa oleh hari peringatan 1 Mei kepada golongan pekerja di China hari ini” sempena Hari Pekerja 1922. Beliau menyeru para pekerja mempamerkan propaganda yang konkret agar meminta pihak-pihak berkuasa menunaikan permintaan-permintaan itu mengikut prosedur yang wajar.<sup>79</sup>

Dalam masa yang panjang, Li Dazhao telah menghulurkan ikhtiar dalam menggerakkan kegiatan kesedaran pekerja. Beliau bertabahan hati untuk mendorong masyarakat pekerja bergerak ke arah sistem pemerintahan “Ergatokrasi”. Li Dazhao

---

<sup>77</sup> Ibid., hlm 629.

<sup>78</sup> Luo Zhanglong, “Kangzhai huayilu” (Memoir di bilik Kangzhai), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam memori), hlm 39.

<sup>79</sup> “Wu yi jinianri yu xianzai Zhongguo laodongjie de yiyi” (Makna yang dibawa oleh hari peringatan 1 Mei kepada golongan pekerja di China hari ini), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 81.

mendefinisikan “Ergatokrasi” sebagai “pentadbiran daripada pekerja, untuk pekerja, oleh pekerja”.<sup>80</sup> Li turut menghuraikan perbezaan di antara sosialisme dan demokrasi dalam konteks yang diadaptasi olehnya. Beliau mengatakan demokrasi yang biasa dikatakan itu bukan demokrasi yang sebenar, tetapi demokrasi oleh golongan borjuis. Beliau cuba membezakan antara Demokrasi, Ergatokrasi, Sosialisme dan Komunisme, dan mendapat kesimpulan bahawa idea-idea ini mempunyai sumber spiritual yang sama.<sup>81</sup> Untuk memperoleh demokrasi yang sebenar, revolusi (oleh golongan pekerja yang proletarian khususnya) mungkin diperlukan dengan melalui satu tempoh Kediktatoran Proletariat bagi menggantikan Oligarki Borjuis, sebelum memasuki fasa pemerintahan sosialisme, yang akhirnya akan menjurus ke pangkuan Komunisme yang ideal dengan demokrasi yang sebenar.

Dalam perkembangan Marxisme di Barat, peranan yang dimainkan oleh Marx terhadap Engels dikatakan sebagai kompas agar dia tidak terpesong dari pelayarannya, dan Marx juga memainkan peranan yang serupa untuk sayap Kiri secara keseluruhannya.<sup>82</sup> Dapat diperhatikan bahawa, Li Dazhao juga memainkan peranan sebagai kompas bagi para Marxis muda seperti Zhang Guotao, dan memainkan peranan yang serupa dalam perkembangan awal gerakan Komunisme China. Dalam usaha menempatkan Komunisme China baik di masyarakat China mahupun di arena antarabangsa, pakar Sinologi kontemporari yang terkenal, Joseph R. Levenson telah menilai sumbangan Li Dazhao dari dua perkara: Yang pertama, menurut Levenson, Li Dazhao telah melayakkan Marxisme untuk penerimaan China, agar meredakan keperitan yang dibawa oleh keadaan putusnya ikatan budaya. Beliau menganjukkan perbendaharaan kata dalam perbandingan budaya agar denyutan revolusi yang dibawa itu tidak berbau “Pembaratan”, tetapi “pemodenan” yang sesuai digunakan di negaranya sendiri; Yang kedua, menurut Levenson lagi, Li telah melayakkan China untuk

<sup>80</sup> “Pingmin zhengzhi yu gongren zhengzhi” (Demokrasi dan Ergatokrasi), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 108.

<sup>81</sup> Ibid., hlm 111.

<sup>82</sup> Edmund Wilson, *To the Finland Station: A study in the writing and acting of history* (London: Collins, 1962), hlm 153.

pelaksanaan Marxisme, agar menjadikan tindakan pembaharuan ini sebagai sesuatu yang mungkin, dengan memperjelaskan situasi China dalam suatu kombinasi dunia.<sup>83</sup>

#### 5.4 Koordinasi dalam Pakatan GMD-PKC

Pencetusan Revolusi Bolshevik bukan sahaja telah memberi pengaruh ke atas pembentukan PKC, tetapi juga telah memberangsangkan pengorganisasian semula GMD. Sun Yat-sen, pemimpin tertinggi GMD yang menjadi tokoh revolucioner China yang paling berprestij pada awal kurun keduapuluh, telah menghadapi kebuntuan selepas gerakan-gerakan revolucioner yang bertubi-tubi tetapi masih belum mencapai kejayaan yang memuaskan.<sup>84</sup> Sejak penubuhan Republik China, masalah imperialisme asing, perpecahan dalam parti dan perbalahan sivil telah merunsingkan Sun. Kepadaan birokrasi yang semakin menjadi-jadi, penyelewengan dari segi politik dan sosial yang semakin berleluasa telah menyebabkan kehidupan rakyat semakin sengsara. Ketidakhadiran disiplin di dalam parti telah menjadi duri di dalam hatinya. Kejayaan Revolusi Bolshevik telah memberi inspirasi kepada Sun Yat-sen untuk mengorganisasikan semula parti GMD.<sup>85</sup> Beliau ingin menjadikan model Soviet yang memiliki organisasi parti yang baik dan disiplin yang tegas sebagai contoh untuk membetulkan kelemahan-kelemahan partinya. Kerelaan pihak Soviet untuk

---

<sup>83</sup> Joseph R. Levenson, "Marxism and the Middle Kingdom," *Modern China: An Interpretive Anthology*, hlm 233.

<sup>84</sup> Sun Yat-sen yang kemudiannya telah digelar sebagai *Guo Fu* (Bapa Negara) tidak mencapai kejayaan yang muktamad sepanjang kerjaya revolucionernya untuk membina sebuah negara China moden yang demokratik sehingga akhir hayatnya. C. Martin Wilbur dalam kajian menyeluruhnya ke atas kerjaya revolucioner Sun, yang memberikan penekanan terhadap Revolusi Nasional China dari tahun 1922-1928, telah memberikan penilaian yang tercermin dalam judul bukunya, dengan menyifatkan Sun Yat-sen sebagai seorang patriot yang kecewa dengan batasan-batasan dalam pencapaian revolucionernya. Sila rujuk C. Martin Wilbur, *Sun Yat-sen: Frustrated Patriot* (New York: Columbia University Press, 1976).

<sup>85</sup> Sila rujuk teks ucapan Sun Yat-sen dalam Kongres Perwakilan Kebangsaan Parti Guomindang China yang pertama di Guangzhou pada 20 Januari 1924, "Zhongguo xianzhuang ji Guomindang gaizu wenti" (Keadaan semasa China dan masalah rombakan organisasi Guomindang), dalam Zhang Qiyun (penyunting), *Guo Fu Quanshu* (Terbitan Lengkap Bapa Negara) (Taipei: Institut Pengajian Pertahanan, 1960), hlm 960-961.

menghulurkan persahabatan telah mendorong Sun untuk mendapatkan bantuan daripada rejim revolusioner dari Rusia itu.<sup>86</sup>

Kerjasama GMD-PKC merupakan suatu strategi yang dicadangkan oleh Comintern pada Januari 1923. Beberapa utusan telah dikirimkan oleh pihak Rusia untuk mengadakan rundingan dengan Sun Yat-sen bagi menjayakan kerjasama tersebut. Dalam Januari 1923, Adolf A. Joffe telah berunding dengan Sun untuk mencapai persetujuan dalam kerjasama tersebut. Satu manifesto bersama telah ditandatangani di antara kedua-dua orang pemimpin itu pada 26 Januari bagi menggariskan syarat-syarat yang membolehkan pembentukan pakatan di antara Bolshevisme Rusia dengan nasionalisme China.<sup>87</sup> Sementara itu, dalam musim bunga 1921, agen Comintern dari Belanda, H. Maring telah bertemu dengan Sun Yat-sen. Maring yang kagum dengan semangat nasionalisme dan idea-idea revolusi Sun Yat-sen percaya bahawa GMD tetap merupakan aliran utama dalam nasionalisme China, dan berpendapat bahawa PKC harus memanfaatkan tapak GMD yang sedia dibentuk untuk memperluaskan pengaruh parti yang baru ditubuhkan itu. Pakatan antara Parti GMD dengan PKC dari tahun 1923 hingga 1927, memperlihatkan fasa terakhir dalam penglibatan giat oleh Li Dazhao di atas pentas politik China moden. Li Dazhao yang mewakili PKC untuk berunding dengan Sun Yat-sen dalam perkara konkrit mengenai persefakatan, telah memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan strategi ini.<sup>88</sup>

Pada Ogos 1922, dalam satu plenum khas jawatankuasa pusat PKC, Maring mencadangkan untuk membentuk satu blok Komunis di dalam Parti GMD. Pemimpin-pemimpin utama PKC termasuk Chen Duxiu telah membantah plan tersebut atas sebab

<sup>86</sup> Untuk keterangan tentang motif, serta kaedah-kaedah Sun Yat-sen dalam bekerjasama dengan Rusia Soviet, sila rujuk C. Martin Wilbur, "Dr. Sun Yat-sen's motives, methods, and precautions in cooperating with Soviet Russia," dalam Gottfried-Karl Kindermann (penyunting), *Sun Yat-sen: Founder and Symbol of China's Revolutionary Nation-Building* (München: Günter Olzog, 1982), hlm 260-280.

<sup>87</sup> Teks penuh bagi manifesto tersebut, "Joint Manifesto of Sun Yat-sen and A. A. Joffe (January 26, 1923)," boleh dirujuk dalam Conrad Brandt, Benjamin Schwartz dan John K. Fairbank, *A Documentary History of Chinese Communism* (New York: Atheneum, 1967), hlm 70-71.

<sup>88</sup> Huang Sung-kang, *Li Ta-chao and the Impact of Marxism on Modern Chinese Thinking*, hlm 31.

perbezaan ideologi dan prinsip.<sup>89</sup> Mereka lebih berkecenderungan untuk membentuk barisan bersekutu dengan status sama taraf di antara dua parti. Maring telah cuba merujuk kepada pelaksanaan tata tertib Comintern untuk menjalankan plan tersebut secara paksaan. Pada 12 Januari 1923, Comintern telah mengarahkan para Komunis China untuk menyertai GMD dan mengambil bahagian dalam “revolusi demokratik borjuis” di bawah Sun Yat-sen. Perdebatan dan percanggahan pandangan telah berlaku dalam pucuk pimpinan PKC mengenai pendekatan yang harus diambil dalam kerjasama antara GMD-PKC ini. Namun, PKC sebagai parti cawangan Comintern tidak berhak untuk menentukan strategi dan tuju hala parti sendiri, seperti yang tertera dalam piagam Comintern.<sup>90</sup>

Li Dazhao telah memecahkan kebuntuan dalam mesyuarat yang membincangkan persefakatan tersebut, dengan mencadangkan PKC menyertai pakatan itu dengan bersyarat, dan melantik pemimpin-pemimpin PKC tertentu menyertai GMD untuk dijadikan jambatan perhubungan dalam kerjasama kedua-dua parti ini. Li Dazhao secara asasnya bersetuju dengan cadangan Maring. Beliau berpendapat bahawa organisasi GMD adalah longgar, para anarkis yang menyertai GMD tidak dikongkong dan ditegah daripada menjalankan kegiatan anarkisme. Begitu juga dengan ahli-ahli GMD lain yang turut diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti politik mereka. Dengan itu Li berasa bahawa kaedah paling mudah untuk mencapai penyatuan adalah menerusi penyertaan ke dalam GMD.<sup>91</sup>

Dengan jelas bahawa Li Dazhao telah mempertimbangkan persoalan tersebut menerusi perspektif yang lebih lebar skopnya dari sudut penyatuan politik kebangsaan, dengan meletakkan kepentingan seluruh rakyat China pada kedudukan yang mengatasi pertimbangan ideologi dan status parti. Li cuba mendapatkan titik keseimbangan di antara pandangan kedua-dua pihak Chen Duxiu dan Maring. Beliau mengambil jalan tengah agar

<sup>89</sup> Conrad Brandt, Benjamin Schwartz dan John K. Fairbank, *A Documentary History of Chinese Communism*, hlm 52.

<sup>90</sup> Guo Hengyu, *Gongchan Guoji yu Zhongguo Geming: Diyici Guo Gong Hezuo* (Comintern dan Revolusi China: Kerjasama Kali Pertama GMD-PKC), hlm 2-3. Peranan Comintern dalam perkembangan awal PKC turut diberi penekanan oleh Hsiao Tso-Liang dalam *Chinese Communism in 1927* (Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong, 1970), hlm 1-37.

<sup>91</sup> Menurut catatan Chang Kuo-t'ao, dalam *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 255.

cadangan PKC untuk mencapai pakatan dengan GMD terlaksana, di samping mengelakkan perselisihan pendapat dengan Maring mahupun pihak Comintern.

Dalam manifesto Kongres Kebangsaan PKC yang ketiga, yang dikemukakan pada Jun 1923, PKC mengaku bahawa GMD seharusnya menjadi kekuatan pusat dalam revolusi nasional dan kepimpinannya harus diterima.<sup>92</sup> Pernyataan tersebut menandakan pertimbangan dan toleransi yang wujud dalam PKC untuk membentuk barisan perjuangan penyatuan negara tanpa mengira pegangan ideologi masing-masing. Peranan Li Dazhao dalam mengkoordinasikan pandangan-pandangan yang berbeza di dalam PKC, ternyata telah meredakan perselisihan yang mungkin akan menimbulkan perpecahan *di dalam parti* dan ketegangan hubungan PKC dengan Comintern. Kejayaan untuk membentuk pakatan antara GMD-PKC telah menunjukkan perkembangan yang baru dalam gerakan revolusi di China.

Atas prasyarat untuk membina barisan bersetuju antara GMD-PKC bagi menentang kemaraan imperialis demi kedaulatan negara, Li Dazhao menunjukkan inisiatif yang aktif dan fleksibilitinya dalam menangani kebuntuan. Ternyata beliau meletakkan integrasi nasional dan kepentingan negara di atas perbalahan dan percanggahan ideologi parti politik. Namun, hasrat Li Dazhao tersebut tidak difahami oleh ramai rakan seperjuangannya dalam PKC. Kerjasama GMD-PKC dengan penyertaan anggota PKC ke dalam GMD sukar diterima oleh sebahagian anggota PKC, termasuk Zhang Guotao.<sup>93</sup> Li Dazhao telah dipertikaikan oleh anggota-anggota PKC apabila memberi laporan dalam suatu Kongres PKC cawangan Beijing

<sup>92</sup> "Manifesto of the Third National Congress of the CCP (June 1923)," dalam Conrad Brandt, Benjamin Schwartz dan John K. Fairbank, *A Documentary History of Chinese Communism*, hlm 71.

<sup>93</sup> Zhang Guotao telah mengemukakan banyak pertikaian ke atas pelaksanaan kerjasama PKC-GMD dalam sedemikian rupa, dan keputusan PKC yang akur kepada arahan Maring. Beliau mengatakan bahawa polisi yang diambil oleh PKC adalah suatu "cantuman GMD dan PKC" dan bukan "perikatan GMD dan PKC" sebenarnya (Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 316). Zhang beranggapan bahawa kejayaan yang lebih besar mungkin tercapai jika kerjasama tersebut dapat dibentuk menerusi acuan perikatan, dan perpecahan kedua-dua parti itu pada kemudian harinya mungkin dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, dalam catatan Zhang tersebut, beliau telah menunjukkan hormatnya terhadap Li Dazhao. Ini barangkali disebabkan Li Dazhao tetap mesra dan sudi bertukar pandangan dengan Zhang secara *ikhlas*. Dalam memori Zhang, beliau menyifatkan bahawa, sungguhpun pandangan Li dalam isu-isu politik adalah berbeza dengannya, namun apabila Li memberitahu bahawa kedua-dua parti GMD dan PKC telah meminta Li untuk membangunkan organisasi GMD di utara dan dirinya telah menerima tugas tersebut, Zhang telah menyokong pendirian Li dan mengatakan bahawa Li merupakan aktor utama yang sesuai untuk memainkan peranan dalam menjalankan kerjasama GMD-PKC. Sila rujuk Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 319.

bahawa, beliau telah dipilih oleh Sun Yat-sen sebagai salah seorang wakil dari kawasan Beijing untuk menghadiri Kongres Perwakilan Kebangsaan GMD China yang pertama yang diadakan pada Januari 1924. Beliau mengumumkan bahawa dirinya telah bersedia untuk menghadiri kongres tersebut dan berharap agar semua rakan seperjuangannya akan mengambil suatu pendirian yang positif ke atas perkara yang mustahak itu. Laporan Li Dazhao tersebut telah membangkitkan banyak pertikaian dan kecaman ke atas pendirian dan motifnya untuk menyertai GMD. Dalam pada itu, Zhang Guotao yang turut menghadiri kongres cawangan Beijing tersebut telah menampilkan diri untuk membela kedudukan Li. Zhang telah menjelaskan selok-belok perkembangan pengadaptasian polisi kerjasama GMD-PKC tersebut, serta menyatakan bahawa Li Dazhao merupakan seorang pemimpin yang dipercayai oleh mereka sekalian, dan turut merupakan individu yang ideal untuk merealisasikan kerjasama GMD-PKC itu. Atas penjelasan Zhang tersebut, perselisihan yang berlaku dalam kongres itu dapat diredukan.<sup>94</sup>

Dalam polemik itu, dapat diperhatikan bahawa, Li Dazhao merupakan seorang pemimpin reformasi yang memang sabar dan tabah, dalam usaha menjayakan segala rancangan yang mampu membawa kebaikan kepada nusa dan bangsanya, tanpa menghiraukan sebarang sindiran dan tohmahan. Seperti yang dirakamkan oleh Zhang Guotao dalam memoirnya yang merekodkan deklarasi Li Dazhao bahawa, sebagai seorang anggota parti komunis, beliau bersedia untuk bekerja keras dan menerima kritikan. Meskipun kerja dan kritikan tersebut menjadi lebih keras, beliau tetap tidak akan meninggalkan rakan-rakan seperjuangannya.<sup>95</sup>

Menurut laporan, Li Dazhao merupakan pemimpin PKC yang mula-mula sekali menyertai GMD, dengan kemungkinan besar semenjak Februari 1923 lagi.<sup>96</sup> Pada bulan Oktober, Li telah dilantik oleh Sun Yat-sen sebagai salah seorang ahli jawatankuasa

---

<sup>94</sup> Ibid., hlm 322-324.

<sup>95</sup> Ibid., hlm 324.

<sup>96</sup> Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga Membersihkan Parti), Jilid 1, hlm 157.

rombakan organisasi GMD untuk mengadakan perbincangan tentang misi rombakan semula organisasi GMD, dengan utusan Comintern, Michael Borodin sebagai penasihat khas kepada jawatankuasa tersebut.<sup>97</sup>

Pada 20 Januari 1924, Kongres Perwakilan Kebangsaan Parti Zhongguo Guomindang (GMD) yang pertama telah dimulakan di Guangzhou, dengan Li Dazhao dilantik sebagai salah seorang wakil dalam senarai pengurus bersama. Li Dazhao yang dilihat sebagai pemimpin nombor dua dalam PKC selepas Chen Duxiu, telah “mengetuai” beberapa orang pemimpin PKC menyertai GMD dengan identiti peribadi masing-masing. Dalam kongres tersebut, cadangan untuk bersekutu dengan Rusia dan menerima anggota komunis sebagai ahli GMD telah dibawa untuk perbincangan. Memandangkan munculnya rasa kecurigaan di kalangan anggota asal GMD terhadap keikhlasan anggota PKC yang mungkin akan mencetuskan krisis ke atas pakatan tersebut, Li telah mengemukakan satu deklarasi yang penting. Deklarasi Li Dazhao dalam Kongres tersebut telah dikemukakan pada 28 Januari 1924. Dokumen tersebut ditandatangani sebagai surat cadangan daripada Li Dazhao yang selaku perwakilan Beijing, dan dilihat sebagai dokumen rasmi bagi penyertaan PKC ke dalam GMD secara individu.<sup>98</sup>

Untuk mengelakkan kesangsian dan keimbangan di dalam parti GMD, Li Dazhao menegaskan dalam deklarasi itu, bahawa penyertaan PKC adalah berdasarkan identiti individu, dan akan menuruti disiplin dan arahan GMD, serta berjuang demi revolusi rakyat. Beliau mengakui keahlian mereka yang merentasi dua parti, tanpa meninggalkan PKC, tetapi beliau berpendapat tindakan ini adalah bermanfaat untuk perjuangan revolusi di China. Penyertaan mereka bukan berhajat untuk menimbulkan khuatir dalam GMD di tengah-tengah usaha pembaharuannya, tetapi demi perjuangan nasional menentang imperialis. Pada pandangan Li Dazhao, usaha revolusi nasional untuk menghapuskan penindasan imperialisme

<sup>97</sup> C. Martin Wilbur, *Sun Yat-sen: Frustrated Patriot*, hlm 174.

<sup>98</sup> Wang Jianmin, *Zhongguo Gongchandang Shigao* (Sejarah Parti Komunis China), Jilid 1 (Taipei: Zhengzhong Shuju, 1965), hlm 100.

dan huhubalang tentera akan mencapai kejayaan, hanya dengan penggembangan kekuatan seluruh bangsa China. Kekuatan bangsa itu perlu disatukan di bawah satu parti, dan parti GMD merupakan satu-satunya parti yang dapat menjayakan misi revolusi nasional tersebut. Maka, atas alasan itu, para anggota komunis mengambil keputusan untuk menyertai pasukan revolutioner di bawah GMD. Ini juga dilihat oleh Li Dazhao sebagai sebab Sun Yat-sen memberi kebenaran kepada para anggota komunis untuk menyertai GMD, di samping mengekalkan keahlian PKC mereka. Justeru itu, Li menegaskan bahawa penyertaan mereka dengan keahlian yang merentasi dua parti itu, sebagai suatu tindakan yang jujur dan amanah, dan bukan secara sulit dan samar-samar.<sup>99</sup>

Kongres tersebut telah menjadi lambang kepada kerjasama GMD-PKC. Sepuluh orang anggota PKC telah dilantik menjadi ahli jawatan kuasa pusat, yang merangkumi satu perempat daripada jumlah ahli jawatan kuasa pusat GMD. Li Dazhao telah dipilih sebagai eksekutif jawatankuasa pusat GMD yang pertama.<sup>100</sup> Kata-kata Li Dazhao di dalam deklarasi berkenaan telah menunjukkan keikhlasannya untuk menjayakan pakatan barisan revolusi nasional tersebut menerusi organisasi GMD. Beliau telah menegaskan berkali-kali di dalam deklarasinya bahawa para anggota komunis akan sentiasa mencurahkan taat setia terhadap GMD dengan menuruti perlumbagaan dan peraturan disiplin parti. Namun, perkembangan yang seterusnya telah membuktikan kebimbangan Li Dazhao akan timbulnya krisis di dalam kerjasama GMD-PKC tersebut. Ahli-ahli veteran di dalam parti GMD tidak menyambut baik kemasukan anggota PKC, khususnya Li Dazhao. Perbincangan dijalankan untuk memberi komen ke atas keikhlasan Li berserta dengan ahli PKC lain yang turut menyertai GMD. Namun, Sun Yat-sen tetap bertegas bahawa polisinya untuk menerima anggota komunis

---

<sup>99</sup> Sila rujuk teks penuh deklarasi tersebut di dalam Wang Jianmin, *Zhongguo Gongchandang Shigao* (Sejarah Parti Komunis China), Jilid 1, hlm 100-102.

<sup>100</sup> Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhiuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 463.

sebagai suatu langkah yang wajib untuk menjayakan revolusi, dan beliau mempunyai keyakinan untuk mengawal keadaan.<sup>101</sup>

Satu blok penjanaan gerakan revolucioner sudah terbentuk menerusi formula penyertaan anggota PKC secara individu ke dalam GMD, yang dilihat oleh C. Martin Wilbur, seorang pengkaji sejarah China moden yang terkenal, sebagai membawa kepada “persaingan dan perselisihan dalaman” di GMD.<sup>102</sup> Keadaan ini sememangnya fenomena yang paling ketara sepanjang tempoh kerjasama GMD-PKC tersebut. Malahan, kerjasama antara GMD-PKC telah diibaratkan oleh Immanuel Hsu sebagai satu perkahwinan demi keselesaan material, yang masing-masing saling memerlukan tetapi tidak mempercayai antara satu sama lain.<sup>103</sup> Pihak GMD berhajatkan bantuan Soviet untuk menghidupkan semula parti mereka, khususnya pembangunan tenteranya, di samping memanfaatkan hubungan komunis dengan para pekerja, petani dan khalayak ramai. Sementara PKC di bawah arahan Comintern ingin menjadikan GMD sebagai tapak memperluaskan pengaruh mereka. Sun Yat-sen telah menjadi faktor penting dalam mengikatkan hubungan dua hala yang tidak ikhlas ini. Apabila Sun meninggal dan perikatan yang saling bergantung itu beransur menjadi saling bersaing, maka keretakan hubungan itu semakin hari semakin melebar. Dengan itu, perpecahan di antara kedua-dua pihak tersebut pada hari kemudiannya sudah di bawah jangkaan.

## 5.5 Revolusi Nasional dan pembunuhan anggota komunis

Li Dazhao telah bertungkus lumus dalam perjuangan revolusi dan pembaharuan China di antara PKC dan GMD. Tanpa banyak pertikaian, beliau merupakan pemimpin tertinggi

<sup>101</sup> Sila rujuk Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga Membersihkan Parti), Jilid 1, hlm 222-226.

<sup>102</sup> Sila rujuk C. Martin Wilbur, *The Nationalist Revolution in China, 1923-1928* (Cambridge: Cambridge University Press, 1983), hlm 27-49.

<sup>103</sup> Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 523.

dalam usaha Revolusi Nasional baik bagi pihak PKC, maupun GMD di bahagian utara. Li Dazhao dilihat sebagai seorang pemimpin yang merendah diri dan demokratik dengan menghormati pandangan orang ramai, sungguhpun ramai di kalangan rakan seperjuangannya merupakan anak muridnya dahulu. Li sentiasa menaruh kepercayaan kepada komrad-komradnya dan bertindak adil saksama dalam urusan parti. Dapat dilihat bahawa ketabilan sentiasa tercapai di cawangan utara tersebut dengan implementasinya suatu corak kepemimpinan secara berpasukan di bawah seliaan Li.<sup>104</sup>

Kegiatan mereka sudah semakin mendapat perhatian daripada pihak berkuasa di Beijing. Pada 28 Jun 1924, akhbar *Chenbao* telah menyiarkan teks waran untuk menahan Li Dazhao daripada Kementerian Dalam Negeri, yang mengatakan bahawa Li sebagai pemimpin PKC di bahagian wilayah utara, harus diberkas dengan segera untuk pengadilan yang sewajarannya.<sup>105</sup> Pada 1 Ogos 1924, Senat Universiti Peking telah mengutuskan surat kepada Kementerian Pendidikan, dengan harapan agar waran penahanan Li Dazhao dapat ditarik balik.<sup>106</sup>

Sementara Li Dazhao terpaksa membuangkan diri dalam pelarian. Pada pertengahan 1924, beliau telah mewakili PKC untuk menghadiri Kongres Perwakilan Kelima Comintern di Moscow. Penjelajahannya di Rusia yang sepanjang kira-kira lima bulan itu, telah membolehkan Li Dazhao melihat realiti hidup masyarakat sosialisme yang diidam-idamkan itu dengan mata kasar sendiri. Pengalaman itu telah meneguhkan azamnya untuk mendirikan sistem sosialisme di China. Pada Oktober 1924, pemberontakan politik telah berlaku di Beijing. Pergolakan politik yang berlaku di Beijing itu dilihat oleh Sun Yat-sen sebagai waktu yang sesuai untuk melancarkan “Ekspedisi ke utara” bagi menyatukan China. Tetapi

<sup>104</sup> Sila rujuk Luo Zhanglong, “Kangzhai huiyilu” (Memoir di bilik Kangzhai), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 47-50.

<sup>105</sup> Wang Xuezhen, et. al. (penyunting), *Beijing Daxue Jishi (1898-1997)* (Peristiwa-peristiwa Penting Universiti Peking), Jilid 1 (Beijing: Beijing Daxue Chubanshe, 1998), hlm 122.

<sup>106</sup> Teks surat tersebut menyatakan bahawa, “Profesor Li Dazhao dalam tugasnya di pihak universiti adalah amat memuaskan dengan prestasi yang konsisten. Sekalipun terdapat pendirian tertentu dalam kenyataan atau penulisan beliau, namun penyelidikan pelbagai doktrin-doktrin ilmu sebenarnya tanggungjawab seorang profesor di universiti, memandangkan universiti sebagai tempat untuk menyebarkan ilmu. Maka, tidak patut untuk dikeluarkan waran untuk memberkasnya.” *Ibid.*, hlm 123.

cadangan tersebut dibantah oleh PKC. Li Dazhao menerima arahan daripada pusat PKC untuk kembali menyertai perjuangan di tanah air.

Selepas menjalankan pengorganisasian semula parti GMD, Sun Yat-sen mula mengatur langkah untuk melancarkan “Ekspedisi ke utara” yang telah lama tertangguh. untuk menghapuskan hulubalang-hulubalang tentera. Namun, pemergian Sun pada 12 Mac 1925 telah membantutkan gerakan tersebut, malah mengeruhkan suasana politik yang sememangnya ada riak-riak di dalamnya. Pemilik-pemilik dwi-keahlian di dalam parti memang ingin bertindak sebagai ahli GMD secara nominal dan pada hakikatnya ahli PKC dalam erti kata yang sebenar. Dengan itu, perselisihan berkenaan dengan soal disiplin dalaman parti sentiasa terjadi.

Di tengah-tengah kepiluan pemergian Sun Yat-sen, Li Dazhao telah menulis sepasang duet elegi yang panjang untuk memperingati Sun. Beliau telah memuji Sun sebagai tunggak dalam arus revolusi selama lebih empat puluh tahun, dengan hasrat untuk membangkitkan semangat kebebasan dan merdeka demi menegakkan kewajaran dan keadilan di dunia. Dengan pemergiannya, kerjaya revolusi itu masih perlu diteruskan dengan berlandaskan Prinsip Tiga Rakyat ciptaan Sun, berkat penggembangan tenaga rakyat, khususnya golongan pekerja dan petani.<sup>107</sup>

Daripada sumber-sumber yang ditemui, secara umumnya didapati Li Dazhao adalah menyanjung tinggi peranan dan kedudukan Sun Yat-sen dalam gerakan revolusi di China. Dalam suatu ucapan pada majlis peringatan pemergian Sun Yat-sen pada tahun 1926 di Sekolah Hsinghua, Li Dazhao memberi penghargaan yang tinggi kepada sumbangan Sun dalam mempromosikan Prinsip Tiga Rakyat.<sup>108</sup> Dalam rencana yang disiarkan pada suatu terbitan khas peringatan ulang tahun pemergian Sun Yat-sen, Li Dazhao telah melakukan penilaian yang menyeluruh terhadap kedudukan Sun Yat-sen dalam sejarah revolusi bangsa

<sup>107</sup> “Wan Sun Zhongshan lian” (Duet elegi memperingati Sun Zhongshan), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 576.

<sup>108</sup> Teks ini merupakan sedutan ucapannya dalam suatu liputan berita, sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 651.

China.<sup>109</sup> Dengan menggalurkan kesengsaraan yang dilalui oleh bangsa China sejak tahun 1840, beliau menyatakan bahawa, “Gerakan Revolusi Nasional yang dipimpin oleh Sun Zhongshan [Sun Yat-sen], di dalam keseluruhan sejarah liberalisasi bangsa China, telah menduduki posisi di pusat, telah menjadi bahagian yang paling penting pada hakikatnya.”<sup>110</sup> Beliau hanya mengisahkan penerimaan anggota komunis oleh Sun dalam rancangan penstruktur semula parti GMD sebagai suatu tindakan meletakkan revolusi nasional China sebagai sebahagian daripada revolusi dunia, tetapi tidak menyentuh langsung tentang Prinsip Tiga Rakyat.

Selain daripada itu, jarang ditemui penulisan Li Dazhao yang menyebut tentang Sun Yat-sen, terutamanya berkenaan dengan idea-idea pembangunan China dan Prinsip Tiga Rakyat oleh Sun Yat-sen, khususnya sebelum Sun meninggal dunia.<sup>111</sup> Dalam suatu ucapan Li Dazhao sempena majlis peringatan ulang tahun pemergian Lenin yang kedua, beliau hanya mengimbas kembali bagaimana Sun Yat-sen mengirimkan takziah ketika Lenin meninggal dunia, dan menyamakan ideologi Sun Yat-sen dengan Leninisme, dengan alasan bahawa kedua-duanya ideologi yang revolusioner dengan strategi yang selari.<sup>112</sup> Ini sememangnya suatu kekesalan yang amat besar dalam usaha penyaluran idea-idea pembaharuan sepanjang riwayat perjuangan Li Dazhao, dengan tidak memberikan perhatian yang serius terhadap

---

<sup>109</sup> “Sun Zhongshan Xiansheng zai Zhongguo minzu gemingshi shang zhi weizhi” (Kedudukan Encik Sun Zhongshan dalam sejarah revolusi bangsa China), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 643-650.

<sup>110</sup> Ibid., hlm 644.

<sup>111</sup> Daripada sumber-sumber yang dapat diperoleh, hanya ditemui dua buah penulisan Li Dazhao yang berkenaan terus kepada Sun Yat-sen: satu berkenaan dengan catatan pandangannya terhadap cadangan Sun Yat-sen dan gabenor Wu Peifu tentang strategi mereka dalam menyatukan China pada September 1922 (sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 117-121); satu lagi sebenarnya surat yang dikirimkan oleh Chen Duxiu, Li Dazhao, Cai Hesen, Tan Pingshan dan Mao Zedong secara bersama-sama kepada Sun Yat-sen pada Jun 1923, berkenaan dengan cadangan mereka untuk memperluaskan pengaruh GMD dan pembentukan pasukan tentara yang dipusatkan di bawah gerakan Revolusi Nasional (sila rujuk *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 234-236). Keadaan sedemikian sememangnya ganjil bagi Li Dazhao yang telah banyak menuliskan analisis terhadap idea-idea yang dapat membawa kesan ke atas reformasi di China, tetapi tidak mengajukan perhatian ke atas Prinsip Tiga Rakyat yang telah membawa impak yang begitu besar ke atas China pada era republik. Dengan maklumat yang ada sekarang, tidak dapat dipastikan sama ada penulisan Li tentang idea-idea Sun Yat-sen telah disekat daripada peredaran umum disebabkan masalah perbezaan ideologi ataupun sememangnya hilang dalam keadaan kacau-bilau. Kemungkinan bahawa Li Dazhao langsung tidak mempunyai minat ke atas doktrin Sun adalah tipis.

<sup>112</sup> “Zai Liening shishi er zhounian jinian dahui shang de yanshuo” (Ucapan di dalam majlis peringatan sempena ulang tahun pemergian Lenin yang kedua), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 640-642.

doktrin-doktrin Sun Yat-sen yang meninggalkan impak dan inspirasi yang begitu kuat di kalangan orang China sepanjang kurun keduapuluh.<sup>113</sup>

Sememangnya, PKC telah mengemukakan interpretasi mereka terhadap doktrin-doktrin Sun Yat-sen, sebagai suatu idea yang menggerakkan revolusi China, yang telah menimbulkan kontroversi yang hebat.<sup>114</sup> Sun Yat-sen pula pernah mengidentifikasi Prinsip “Mata Pencarian Rakyat” (Minsheng) sebagai Kommunisme, atas sebab untuk mencantumkan GMD dalam pakatan dengan para komunis. Walau bagaimanapun, perbezaan antara kedua-duanya tetap dikemukakan oleh Sun sendiri.<sup>115</sup>

Sebelum itu, ketika Sun Yat-sen menjatuh sakit dalam ketenatan, ketegangan di antara rejim Sun Yat-sen dengan rejim kerajaan di Beijing juga semakin meruncing. Pihak kerajaan di Beijing cuba memburu pemimpin-pemimpin gerakan pekerja, termasuk Zhang Guotao sebagai strategi untuk menunjukkan kekuatan mereka serta bertujuan menumpaskan kekuatan revolusioner tersebut. Li Dazhao telah mencuba sedaya-upaya untuk menghubungi Zhang, yang pada ketika itu hubungan mereka sudah tidak seakrab dahulu kala, agar meninggalkan Beijing secepat mungkin supaya dapat melepaskan diri daripada pemburuan.<sup>116</sup>

<sup>113</sup> “Prinsip Tiga Rakyat” — “San Min Zhuyi” (atau “San Min Chu I”), iaitu “Minzu” (Nasionalisme), “Minzhu” (Demokrasi), dan “Minsheng” (Mata Pencarian Rakyat), inovasi Sun Yat-sen telah menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah intelektual China moden. Untuk teks penuh “Prinsip Tiga Rakyat” ini dalam bahasa Inggeris, sila rujuk L. T. Chen (penyunting, diterjemah oleh Frank W. Price), *San Min Chu I: The Three Principles of the People* (Chungking {Chongqing}: Ministry of Information of the Republic of China, 1943).

<sup>114</sup> Sila rujuk Shao Chuan Leng dan Norman D. Palmer, *Sun Yat-sen and Communism* (London: Thames and Hudson, 1961), hlm 97-128.

<sup>115</sup> Ibid., hlm 85-87; atau penjelasan Sun Yat-sen yang dikemukakannya pada 21 Januari 1924 dalam Kongres Perwakilan Kebangsaan Parti Guomindang China yang pertama di Guangzhou, “Guanyu Minsheng Zhuyi zhi shuoming” (Keterangan berkenaan dengan Prinsip Mata Pencarian Rakyat), dalam Zhang Qiyun (penyunting), *Guo Fu Quanshu* (Terbitan Lengkap Bapa Negara), hlm 963-964.

<sup>116</sup> Zhang Guotao dalam autobiografinya telah menggelarkan Li Dazhao sebagai “komrad dalam PKC” sahaja, sungguhpun Zhang masih menggelar Li sebagai “Xiansheng” (jaitu “Encik” secara hormatnya). Dengan nyata hubungan antara Zhang dan Li itu semakin renggang selepas Kongres Kebangsaan PKC yang kedua dan realisasinya pakatan GMD-PKC yang jelas menampakkan percanggahan pandangan dan pendirian antara kedua-dua pemimpin PKC itu. Tanpa menjelaskan sebarang sebab, Zhang jarang menyentuh tentang Li Dazhao selepas era pakatan GMD-PKC di dalam autobiografinya. Malahan, dalam pembunuhan Li Dazhao pada April 1927, Zhang juga hanya melakarkan dua baris ayat untuk melaporkan insiden tersebut sebagai satu berita pembunuhan pemimpin PKC oleh pihak gabenor tentera sahaja, dengan meletakkan Li setaraf dengan individu-individu yang lain (Chang Kuo-t’ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 592). Zhang Guotao kelihatan berwaspada terhadap semua orang baik dari dalam atau di luar parti, termasuk Li Dazhao. Menurutnya, meskipun Li Dazhao, juga tidak tahu alamat tempat perselindungannya di Beijing. Walau bagaimanapun, Li Dazhao akhirnya berjaya mendapatkan Zhang setelah mencuba pelbagai kaedah dan memberitahu akan bahayanya situasi Zhang di Beijing. Li meminta Zhang agar mendengar gesaan komrad

Dalam keadaan yang porak-peranda selepas kematian Sun Yat-sen, Gerakan Tigapuluh Mei, satu gerakan patriotik nasional telah dicetuskan pada tahun 1925, di bawah seruan PKC. Suatu demonstrasi perpaduan yang anti-imperialis demi menghidupkan semula semangat Gerakan Empat Mei telah dijalankan, dan berlakunya suatu pertembungan di antara khalayak perarakan dengan polis British. Anggota polis terbabit melepaskan tembakan kepada khalayak umum dan mengakibatkan sebelas orang terkorban dan lebih lima puluh orang tercedera. Sinologis Barat yang terkenal, Jonathan Spence dengan meminjam metafora sasterawan teragung China moden, Lu Xun, telah menyifatkan tindakan imperialisme asing itu bahawa, cemeti yang memaksa China agar berubah mula disebatkan ke atas belakangnya pada tahun 1925, “barangkali lebih tepat untuk mengatakan bahawa ia mula tidak tertahan akan kesakitan tersebut dalam tahun itu.”<sup>117</sup>

Sementara bagi PKC yang masih kecil dari segi saiz struktur organisasi dan lemah dari segi kekuatan ketenteraannya telah berjaya memperluaskan pengaruhnya di kalangan pelajar dan pekerja dalam gerakan tersebut, menerusi legitimasi yang diperoleh daripada GMD. Sebagai kesan langsung daripada Gerakan Tigapuluh Mei, ahli PKC telah meningkat sebanyak sepuluh kali ganda daripada seribu orang menjadi sepuluh ribu orang dalam masa enam bulan, sementara anggota pertubuhan pemudanya telah meningkat kepada sembilan ribu orang menjelang bulan September 1925.<sup>118</sup>

Kebangkitan kekuatan PKC tersebut telah merancakkan sentimen anti-komunis di dalam parti GMD. Para anggota anti-komunis di cawangan-cawangan GMD bertindak memulaukan anggota-anggota komunis. Cawangan Beijing turut memperlihatkan kecenderungan tersebut. Namun, bagi Li Dazhao yang sentiasa berusaha untuk menjalankan tugas persediaan revolusi nasional di wilayah utara, berkat reputasi peribadi dan rangkaian

---

dalam kedua-dua parti PKC dan GMD supaya segera meninggalkan Beijing tanpa berlengah-lengah lagi. Sila rujuk Chang Kuo-t'ao, *The Rise of the Chinese Communist Party, 1921-1927*, hlm 400-401.

<sup>117</sup> Jonathan D. Spence, *The Gate of Heavenly Peace: The Chinese and Their Revolution, 1895-1980*, (London-Boston: Faber and Faber, 1982), hlm 182.

<sup>118</sup> C. Martin Wilbur dan Julie Lien-ying How (penyunting), *Documents on Communism, Nationalism, and Soviet Advisers in China 1918-1927*, hlm 90-91.

hubungannya yang dibentuk sekian lama, serta kerjasama daripada sayap kiri di dalam GMD, beliau berjaya mengatasi ancaman arus anti-komunis di Beijing.<sup>119</sup> Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya golongan veteran di dalam GMD yang semakin kehilangan kuasa telah menunjukkan sentimen anti-komunis yang semakin serius, seiringan dengan pemupukan kuasa anggota-anggota komunis di dalam GMD yang semakin meluas. Ketika Sun Yat-sen masih ada, tiada persengketaan yang terbuka, tetapi ketegangan itu semakin menjadi-jadi. Selepas Sun meninggal, faktor pengawal untuk meredakan ketegangan itu telah hilang.

Li Dazhao telah lama menjadi profesor di Universiti Peking, dan mempunyai pengaruh yang kuat di bidang akademik dan di kalangan pelajar. Memang jelas bahawa, parti GMD juga ingin memanfaatkan reputasi Li Dazhao yang berprestij itu untuk mempertingkatkan prestasi dan pengaruh parti tersebut di wilayah utara. Namun, Li Dazhao dikatakan tidak melaksanakan tugasnya dengan bersungguh-sungguh. Sebaliknya, dalam catatan rekod ahli-ahli GMD yang sebenar, Li cuma memanipulasikan pertubuhan-pertubuhan GMD di utara untuk memperluaskan kuasa PKC. Anggota-anggota komunis diserap masuk oleh Li Dazhao dan cawangan-cawangan GMD digunakannya sebagai tapak PKC untuk menjalankan jaringan komunis di kalangan pekerja dan petani.<sup>120</sup> Dengan nyata bahawa, pengaruh anggota-anggota komunis di dalam parti GMD memang sentiasa berkembang.

Menurut imbasan memori Li Baohua, anak sulung kepada Li Dazhao bahawa, jawatankuasa wilayah utara PKC yang dipimpin oleh Li Dazhao telah menubuhkan sekolah parti yang pertama di Beijing, untuk memberi latihan dan kursus kepada anggota-anggota pemuda PKC. Teori-teori asas Marxisme-Leninisme menjadi kandungan asas dalam kursus di sekolah parti yang dijalankan pada musim sejuk tersebut, sementara Li Dazhao memberi

<sup>119</sup> Chen Yongfa, *Zhongguo Gongchan Geming Qishinian* (Tujuh Puluh Tahun dalam Revolusi Komunis China), Jilid 1 (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1998), hlm 98.

<sup>120</sup> Disebabkan hanya terdapatnya rekod-rekod daripada pihak GMD yang rata-rata memaki tindakan dan keperibadian Li Dazhao, dan kurangnya bahan daripada GMD mahupun daripada Li Dazhao sendiri, maka kesimpulan sukar dibuat ke atas perlakuan dan hasrat Li sepanjang perkhidmatannya di GMD. Untuk catatan tentang perlakuan Li Dazhao di GMD, sila rujuk Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga Membersihkan Parti), Jilid 1, hlm 254-279.

kuliah tentang hubungan di antara tanah dengan golongan petani.<sup>121</sup> Penubuhan sekolah parti tersebut telah memberi impak yang besar dalam menarik anggota-anggota pemuda dan memberi latihan yang berguna untuk tujuan kegiatan revolusi.

Sebenarnya, PKC telah mengemukakan satu manifesto pada Januari 1925, sebagai respons mereka terhadap cadangan Sun Yat-sen berkenaan dengan penubuhan sebuah perhimpunan kebangsaan, dan mengadakan rundingan dengan kerajaan di Beijing untuk menubuhkan sebuah kerajaan kebangsaan sementara. Manifesto tersebut bersetuju secara umumnya terhadap slogan bagi penubuhan sebuah perhimpunan kebangsaan dan sebuah kerajaan sementara, dengan mengemukakan beberapa permintaan minimum yang tertentu. Antaranya, dengan lantang menafikan kemungkinan bagi pihak komunis untuk menerima kuasa-kuasa militer di Beijing. Dokumen manifesto tersebut telah mencerminkan ketegangan dan saling kecurigaan yang kemudiannya telah menimbulkan percanggahan di antara PKC dan GMD. Unsur-unsur percanggahan itu sebenarnya telah wujud ketika Sun Yat-sen masih hidup, walaupun PKC secara nominalnya tetap menerima kepimpinan beliau.<sup>122</sup>

Dalam saat-saat genting pergolakan politik di China, pemergian Sun Yat-sen telah memulakan perpecahan secara terbuka di dalam GMD. Pada 23 November 1925, satu mesyuarat jawatankuasa pusat GMD telah diadakan di Beijing sempena upacara pengebumian Sun. Dalam mesyuarat tersebut, terdapat usul yang meluluskan pemansuhan keahlian anggota PKC dalam GMD dan perlucutan jawatan Li Dazhao.<sup>123</sup> Perpecahan dalam kerjasama GMD-PKC seakan-akan tidak dapat dielakkan.

Sementara itu, kuasa imperialisme asing, terutamanya Jepun semakin menjadi-jadi di wilayah utara China. PKC telah melancarkan tiga kali demonstrasi besar-besaran masing-masing pada 31 Disember 1925, 14 Januari dan 31 Januari 1926 di Medan

<sup>121</sup> Li Baohua, "Huiyi fujin Li Dazhao de yixie geming huodong" (Mengimbas kembali kegiatan-kegiatan revolusi oleh ayahanda, Li Dazhao), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 15-16.

<sup>122</sup> Conrad Brandt, Benjamin Schwartz dan John K. Fairbank, *A Documentary History of Chinese Communism*, hlm 74. Untuk teks penuh "Fourth Manifesto of the CCP on the current situation (January 1925)," sila rujuk buku yang sama, hlm 74-77.

<sup>123</sup> Guo Hengyu, *Gongchan Guoji yu Zhongguo Geming: Diyici Guo Gong Hezuo* (Comintern dan Revolusi China: Kerjasama Kali Pertama GMD-PKC), hlm 161-164.

Tiananmen yang disertai khalayak umum di Beijing.<sup>124</sup> Dengan itu, Beijing telah diselubungi oleh suatu persekitaran sentimen anti-Jepun dan anti-gabenor tentera yang kuat. Pada 11 Mac 1926, angkatan armada Jepun mengebom pelabuhan Dagukou di Tianjin dan kejadian tersebut telah menimbulkan kegeraman orang ramai. Lantaran itu, gerakan-gerakan demonstrasi telah dilancarkan di Beijing dan tempat-tempat lain di China.

Pada 18 Mac 1926, pelajar-pelajar berserta dengan anggota persatuan-persatuan di Beijing telah berdemonstrasi untuk mengemukakan protes terhadap imperialis asing yang bertanggungjawab ke atas Kejadian Dagukou. Li Dazhao yang menjadi pemimpin utama dalam gerakan revolusi di Beijing bukan sahaja seorang pencadang teori, tetapi seorang aktivis revolucioner yang sentiasa memimpin di barisan hadapan. Dalam insiden tersebut, Li yang baru menamatkan perhimpunan rapat umum di medan Tiananmen, telah bergegas ke tapak demonstrasi di Lorong Tieshizi (Singa Besi) sebagai salah seorang daripada barisan pengerusi bersama. Di tengah-tengah perarakan ramai yang terdiri daripada lebih dua ribu orang, pasukan polis diarahkan untuk menjalankan pembunuhan dengan parang dan batang besi. Akibatnya, empat puluh tujuh orang terbunuh, dan lebih dua ratus orang tercedera.<sup>125</sup> Hari itu, telah disifatkan oleh Lu Xun sebagai “hari yang paling gelap sejak penubuhan republik”.<sup>126</sup>

Di dalam insiden pembunuhan oleh pasukan polis itu, Li Dazhao tidak terlepas daripada kecederaan; beliau dibelasah dan dipijak dalam keadaan yang porak-peranda sehingga kulit di kedua-dua belah tangannya habis terkupas.<sup>127</sup> Namun, beliau tetap bertahan sehingga memastikan semua peserta rakyat umum berundur dan dirinya juga berjaya mlarikan diri. Keadaan di Beijing menjadi semakin tenat. Satu waran penahanan ke atas

<sup>124</sup> Li Xin (ketua penyunting), *Guomin Geming de Xingqi* (Kebangkitan Revolusi Nasional) (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1991), hlm 465.

<sup>125</sup> Untuk keterangan terhadap keseluruhan perkembangan insiden tersebut dan senarai nama yang terkorban, sila rujuk ibid., hlm 473-477.

<sup>126</sup> Lu Xun, “Wu hua de qiangwei zhi er” (Episod kedua bagi mawar yang tidak berbunga), *Lu Xun Qianji* (Koleksi Lengkap Karya-karya Lu Xun), Jilid 3 (Beijing: Renmin Wenzxue Chubanshe, 1981), hlm 264.

<sup>127</sup> Zhang Tingqian, “Guanyu Li Dazhao Xiansheng” (Berkenaan dengan Encik Li Dazhao), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 111.

lima orang tokoh GMD yang terkenal di Beijing telah dikeluarkan oleh kerajaan, dengan Li Dazhao sebagai satu-satunya pemimpin PKC yang terlibat, telah mendahului senarai pemburuan tersebut. Kegiatannya terpaksa ditukar haluan ke bawah tanah. Li Dazhao bersama anak isterinya telah berpindah ke kem tentera di Kedutaan Soviet. Dalam keadaan yang terdesak dan penuh dengan bahaya itu, Li Dazhao tetap bekerja keras seperti biasa.

Menurut imbasan kenangan anaknya, Li Xinghua bahawa, Li Dazhao sungguhpun dalam keadaan yang paling tertekan, masih berpandangan optimistik terhadap usaha revolusinya, malah masih mampu bergurau di hadapan mereka untuk meredakan ketegangan pada ketika itu. Walau bagaimanapun, di dalam laci meja Li Dazhao, mula tersimpannya pistol-pistol, yang menurutnya mungkin diperlukan dalam waktu-waktu tertentu. Rasa ketidakteraman juga mula muncul di dalam hati isterinya dan anak mudanya, Xinghua.<sup>128</sup>

Sepanjang tempoh berselindung di Kedutaan Soviet yang selama lebih setahun itu, Li Dazhao terus mengemukakan artikel-artikel mengenai cadangannya terhadap pembelaan nasib rakyat China, khususnya golongan petani dan analisis terhadap suasana politik di China. Beliau turut menyumbangkan tenaga dalam menjalankan koordinasi dalam program “Ekspedisi ke utara” oleh kerajaan Nasionalis di Guangdong.<sup>129</sup>

Pada 12 April 1927, Chiang Kai-shek yang telah muncul sebagai pemimpin tertinggi GMD dengan sokongan daripada sahabat-sahabatnya dalam kongsi gelap di Shanghai telah menghancurkan gerakan pekerja yang dipimpin oleh PKC di situ.<sup>130</sup> Chiang yang memperoleh sokongan daripada kuasa-kuasa imperialis dan persatuan-persatuan saudagar serta kongsi gelap di Shanghai, mengisyiharkan pembentukan kerajaan nasionalis yang baru

<sup>128</sup> Sila rujuk Li Xinghua, “Guangrong Xisheng” (Pengorbanan dengan penuh kebanggaan), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 118-120.

<sup>129</sup> Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 490.

<sup>130</sup> John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution: 1800-1985*, hlm 215. Berkenaan dengan kebangkitan kuasa Chiang Kai-shek, sila rujuk Jack Gray, *Rebellions and Revolutions: China from the 1800s to the 1980s* (New York: Oxford University Press, 1990), bab kesepuluh: “The rise of Chiang Kaishek,” hlm 214-231.

di Nanjing dan mengumumkan tindakan “membersihkan parti”.<sup>131</sup> Mulai 13 April 1927, pihak berkuasa telah bertindak menghentikan operasi semua organisasi yang dikuasai PKC dan bermula memberkas anggota PKC dan penyokong-penyokongnya secara besar-besaran. Menurut statistik PKC, dari 12 hingga 15 April, sejumlah 300 orang dibunuh, 500 orang ditahan, sementara 5000 orang hilang.

Sebenarnya, satu serbuan telah dilancarkan ke atas bangunan Kedutaan Soviet pada 6 April 1927.<sup>132</sup> Li Dazhao berserta dengan anggota-anggota revolusi yang lain telah diberkas dan ditahan dalam lokap balai polis selama dua puluh dua hari, untuk menghabiskan saat-saat terakhir dalam hidupnya. Isteri dan dua orang anak perempuan Li Dazhao turut diberkas dalam operasi tersebut. Menurut memoir Li Xinghua, anak perempuan Li Dazhao yang turut ditahan di dalam lokap bahawa, dalam masa lebih sepuluh hari selepas ditahan, mereka tidak pernah terserempak dengan Li Dazhao mahupun mendapat sebarang berita mengenainya. Pada suatu hari kemudiannya, mereka dipanggil untuk dihadapkan kepada “perbicaraan”. Mereka bertemu dengan Li Dazhao yang berambut kusut dan kelihatan kurus, tetapi masih tenang.<sup>133</sup> Selepas pertemuan yang singkat dalam “perbicaraan” itu, mereka tidak dapat berjumpa dengan Li Dazhao lagi.

<sup>131</sup> Untuk keterangan tentang perkembangan keputusan diambil untuk membersihkan parti oleh Chiang Kai-shek, sila rujuk Li Yunhan, *Cong Ronggong dao Qingdang* (Dari Menerima Komunis hingga Membersihkan Parti), Jilid 2, bab kesepuluh, hlm 609-674.

<sup>132</sup> Berkenaan dengan perkembangan serbuan tersebut, sila rujuk C. Martin Wilbur dan Julie Lien-ying How (penyunting), *Documents on Communism, Nationalism, and Soviet Advisers in China 1918-1927*, hlm 8-9. Akhbar-akhbar utama pada ketika itu telah membuat liputan yang meluas terhadap insiden ini dengan Li Dazhao didahulukan sebagai individu yang paling terkemuka di antara yang terberkas. Sila rujuk sedutan liputan akhbar *Chen Bao* (Berita Subuh) dan *Minguo Ribao* (Harian Republik) yang bertarikh 7 April 1927, dalam *Lao Xinwen - Minguo Jiushi (1924-1927)* (Berita Uzur - Peristiwa Lama Zaman Republik {1924-1927}) (Tianjin: Tianjin Renmin Chubanshe, 1998), hlm 313-315.

<sup>133</sup> Li Xinghua, “Guangrong Xisheng” (Pengorbanan dengan penuh kebanggaan), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 129. Pendirian dan perlakuan Li Dazhao ketika dibicarakan, juga mendapat liputan yang banyak dalam akhbar-akhbar. Antaranya *Chen Bao* telah mengatakan bahawa, Li Dazhao dengan terus-terang mengaku dengan nama sebenarnya, dengan tenang tanpa sebarang rupa ketakutan. Beliau mengaku diri sebagai penganut Komunisme tetapi tidak membongkarkan sebarang rahsia partinya. Akhbar tersebut menyifatkan bahawa, Li masih kelihatan dengan perawakan yang gagah sebagai scorang pemimpin parti komunis. Sila rujuk *Chen Bao*, 8 April 1927 (dipetik dari *Lao Xinwen - Minguo Jiushi (1924-1927)* (Berita Uzur - Peristiwa Lama Zaman Republik {1924-1927}), hlm 317).

Pada ketika itu, seruan daripada media dan orang perseorangan yang berkenaan agar membebaskan Li Dazhao telah muncul di sana sini.<sup>134</sup> Namun, kuasa pemerintahan militer tidak menghiraukan seruan umum, dan berkeras kepala untuk membunuh anggota-anggota Komunis, termasuk Li Dazhao. Perpecahan barisan bersatu dalam pakatan kerjasama GMD-PKC yang pertama pada tahun 1927, merupakan satu peristiwa yang mempunyai makna penentuan dalam sejarah China moden, yang memperlihatkan kesan tragik ke atas anggota-anggota PKC. Li Dazhao, selaku pemimpin PKC yang terkemuka, tidak terkecuali daripada mala petaka yang menimpa ke atas orang-orang komunis itu.

Pada 28 April, Li Dazhao telah dihukum gantung sampai mati dengan dilaksanakan serentak.<sup>135</sup> Dengan itu, riwayat hidup Li Dazhao yang kurang daripada tiga puluh lapan tahun terpaksa ditamatkan dengan cita-cita membebaskan bangsanya daripada kemunduran yang belum tercapai. Kematian Li bukan sahaja satu mala petaka kepada keluarganya, tetapi juga satu petanda dan amaran kepada para peserta revolusi, tidak kira anggota komunis atau yang selainnya bahawa, pembunuhan demi pembunuhan yang besar-besaran akan dilaksanakan atas alasan “menghapuskan anasir-anasir yang mengancam keselamatan awam” oleh gabenor-gabenor tentera atau alasan “membersihkan parti” oleh GMD.

Era pemerintahan kerajaan Nanjing oleh GMD di bawah pimpinan Chiang Kai-shek telah bermula selepas pelaksanaan “Ekspedisi ke utara” dengan berjayanya. Namun, pelbagai masalah politik, ekonomi dan sosial di dalam negara masih menantikan resolusi daripada rejim pemerintahan Republik China yang baru itu. Sebagai hasil daripada gerakan Revolusi Nasional yang memakan masa lebih kurang lima tahun, PKC setelah menjadi sekutu

<sup>134</sup> Sejak Li Dazhao dikurung, peristiwa tersebut telah menimbulkan pergolakan yang besar di dalam masyarakat pada ketika itu, pelbagai pihak telah berusaha untuk menyelamatkannya dari penjara, malahan bagi akhbar-akhbar yang dimiliki oleh pihak berkuasa turut memuji penguasaan ilmu, etika moral dan personaliti Li Dazhao. Sila rujuk Pasukan Penulisan Biografi Li Dazhao, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1979), hlm 218.

<sup>135</sup> *Chen Bao* turut membuat liputan yang terperinci tentang proses pelaksanaan hukuman gantung sampai mati tersebut. Dikatakan bahawa Li Dazhao yang menjadi orang pertama yang dihadapkan ke alat penggantung telah menerima hukuman tersebut dengan tenang dan tabah sekali. Sila rujuk *Chen Bao*, 29 April 1927 (dipetik dari *Lao Ximwen - Minguo Jiushi* (1924-1927) (Berita Uzur - Peristiwa Lama Zaman Republik {1924-1927}), hlm 319-320).

sementara bagi GMD dan berkembang pesat dari segi bilangan ahli dan pengaruhnya, telah bertukar kembali kedudukannya semula untuk memberontak menentang GMD, sebelum cukup bersedia untuk melancarkan revolusi “peringkat kedua”, peringkat sosialis.<sup>136</sup>

Li Dazhao merupakan pemimpin tertinggi PKC di wilayah utara, juga menjadi tunggak gerakan Komunisme di wilayah utara, pengorbanannya merupakan satu tamparan yang sangat hebat bagi PKC di utara. Selepas itu, kegiatan PKC di bahagian utara China semakin merosot.<sup>137</sup>

---

<sup>136</sup> C. Martin Wilbur, *The Nationalist Revolution in China, 1923-1928*, hlm 192.

<sup>137</sup> Pandangan ini dikemukakan oleh pihak yang anti-komunis. Sila rujuk Biro Siasatan Jabatan Organisasi Jawatankuasa Pusat Parti Guomindang China (penyunting), *Zhongguo Gongchandang zhi Toushi* (Pengamatan ke atas Parti Komunis China) (Wenhai Chubanshe, 1935), hlm 74.